

**PARLIMEN**  
**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan  
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam  
Dewan Rakyat Daripada Kementerian**

**HARI SELASA: 23 MAC 2010**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LIS AN YANG TIDAK DAP AT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 10 HINGGA 70 )

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 [RUJUK

PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SELASA: 23 MAC 2010 [SIDEK]

SOALAN: NO. 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[KUANTAN]  
TARIKH JAWAPAN : 23 MAC 2010 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah strategi dan langkah-langkah Kerajaan dalam menggalakkan pembinaan lebih banyak bangunan Low Energy Office (LEO) serta Green Building dalam usaha bersama memerangi fenomena perubahan iklim (climate change). TAWAPAN Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bangunan *Low Energy Office* (LEO) adalah pejabat Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air di Putrajaya yang siap dibina pada tahun 2004. Bangunan ini adalah *showcase* pertama Kerajaan yang bertujuan membuktikan bahawa penerapan elemen kecekapan tenaga dan tenaga boleh diperbaharu di bangunan boleh menjimatkan tenaga di samping lebih mesra alam. Kerajaan berharap hasil penjimatan tenaga di Bangunan LEO akan mendorong pembinaan lebih banyak bangunan cekap tenaga, khususnya oleh pihak swasta.

Sebuah lagi bangunan Kerajaan berkonsepkan kecekapan tenaga dan tenaga boleh

diperbaharu, iaitu *Green Energy Office* (GEO) siap dibina pada tahun 2008. Bangunan yang dimaksudkan ialah bangunan pejabat Pusat Tenaga Malaysia di Bandar Baru Bangi. Bangunan tersebut juga membuktikan kesungguhan Kerajaan dalam menggalakkan pembinaan lebih banyak bangunan berkonsepkan kecekapan tenaga dan tenaga boleh diperbaharu.

Dengan kemajuan teknologi, reka bentuk ciri-ciri kecekapan tenaga di kedua-dua bangunan ini ditambah baik dan bangunan model cekap tenaga ketiga iaitu bangunan Suruhanjaya Tenaga sedang dibina di Putrajaya. Ketiga-tiga bangunan tersebut adalah bangunan demonstrasi yang telah direkabentuk dan dibina khusus untuk menunjukkan potensi penjimatan tenaga di bangunan-bangunan cekap tenaga.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedar bahawa sektor bangunan boleh menyumbang kepada usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau melalui elemen kecekapan tenaga, tenaga boleh diperbaharu, kecekapan air dan sebagainya. Oleh yang demikian, bagi menggalakkan lagi pembinaan bangunan cekap tenaga, Kerajaan menyediakan insentif pengecualian cukai kepada pemilik bangunan yang mendapat Sijil *Green Building Index* (GBI). Selain daripada itu, pembeli yang membeli bangunan dan rumah kediaman yang telah memperoleh Sijil GBI daripada pemaju hartanah diberi pengecualian duti setem ke atas surat cara

pindah milik. Insentif-insentif tersebut berkuasa dari 24 Oktober 2009 hingga 31  
Disember 2014.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN            LISAN  
DARIPADA            Y.B. PUAN HAJAH NANCY  
                                  BINTI HAJI SHUKRI  
(BATANG SADONG) TARIKH 23.03.2010  
SOALAN                11**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**  
menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan  
pembangunan di luar bandar dapat dicapai melalui program  
transformasi Kerajaan dalam masa yang terdekat.

**JAWAPAN:**

Tuan yang Dipertua;

Di bawah Program Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Programme* (GTP), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA iaitu memperkasa infrastruktur asas luar bandar bagi tempoh 2010 hingga 2012.

Menerusi peruntukan hampir RM18 bilion ringgit, pihak Kementerian berusaha untuk:

Pertama, membina lebih daripada 7,000 km jalan baru dan akan dinaik taraf menjelang 2012. Ini akan menjadikan 91.4% daripada penduduk Semenanjung tinggal dalam lingkungan lima km dari jalan yang diturap pada 2010, meningkat kepada hampir 100% pada 2012.

Sehubungan itu, sepanjang 1,500 km jalan juga akan dibina di Sabah dan Sarawak.

Kedua, menyediakan 50,000 rumah baru dan dibaik pulih untuk penduduk miskin dan miskin tegar luar bandar menjelang 2012. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 16,626 unit rumah akan dibina atau dibaikpulihan pada tahun 2010.

Ketiga, memastikan akses kepada air bersih atau air yang dirawat kepada lebih 360,000 isirumah tambahan. Untuk Sabah dan Sarawak, program ini akan meningkatkan peratusan penduduk luar bandar yang mendapat akses kepada air bersih atau air yang dirawat masing-masing daripada 70% pada 2010, meningkat kepada 90% untuk kedua-dua negeri pada 2012.

Dan keempat, menyediakan akses kepada bekalan elektrik 24 jam untuk lebih 140,000 isirumah tambahan pada 2012. Ini akan meningkatkan peratusan isirumah yang mendapat akses kepada tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak masing-masing kepada 99.6%, 81% dan 71.6% pada 2010.

Tuan Yang Dipertua;

Alhamdulillah, sehingga 22 Mac 2010, adalah dimaklumkan bahawa sejumlah 181 buah projek Jalan Luar Bandar (JALB) yang merangkumi 494.93 kilometer jalanraya bagi seluruh Negara sedang berjalan dengan lancar di mana sejumlah 85.6 kilometer jalanraya telahpun siap dilaksanakan.

Kedua, menjelang akhir 2010, sejumlah 70,181 buah unit buah rumah lagi di seluruh Negara akan mendapat kemudahan air bersih di mana setakat ini, sejumlah 11 buah loji rawatan air sedang dibina.

Ketiga, sebanyak 667 buah projek bekalan elektrik sedang berjalan dengan lancar yang melibatkan 25,312 buah rumah. Pada bulan hadapan, insyaallah, sebanyak 247 buah rumah akan mendapat faedah bekalan elektrik.

Dan keempat, sejumlah 1,682 buah projek Program Bantuan Rumah sedang dilaksanakan di mana sebanyak 831 buah rumah akan siap dibina dan dihuni pada bulan hadapan.

Bagi memastikan semua inisiatif ini dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan, pihak Kementerian mengguna pakai beberapa kaedah kerja seperti berikut:



Pertama, menggunakan kaedah penyampaian yang inovatif, cepat dengan kos terendah. Misalnya, membina rumah dengan reka bentuk standard dan menggalakkan teknologi penjanaan kuasa alternatif seperti janakuasa hibrid solar atau elektrik mikro hidro.

Manakala bagi bekalan air bersih, Kementerian akan menggunakan penyelesaian alternatif seperti telaga tiub, telaga graviti atau pemulihan air hujan untuk kawasan-kawasan yang jauh dari rangkaian bekalan air.

Kedua, memperbaiki proses dan mengemas kini prosedur sedia ada bagi mengurangkan karenah birokrasi untuk menjimatkan masa yang diperlukan.

Ketiga, bekerja rapat dengan pembekal untuk memastikan bekalan bahan binaan, peralatan dan jentera mencukupi.

Dan keempat, memastikan pengurusan program yang efektif dengan menjalankan pemantauan projek secara kerap dan berjadual.

Kementerian juga menyelaras dan memantau pelaksanaan

projek-projek di bawah NKRA dan melaporkannya kepada Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri. Penyelarasan NKRA infrastruktur asas luar bandar dilaksanakan melalui mesyuarat mingguan dan berkala yang diadakan secara tetap mengikut jadual. Mesyuarat ini membincangkan dan menyelesaikan isu-isu pelaksanaan projek NKRA.

Di peringkat negeri, pejabat-pejabat cawangan Kementerian secara langsung memantau pelaksanaan dan masalah-masalah fizikal projek di tapak supaya ianya dapat diatasi segera.

Dengan adanya langkah-langkah yang dinyatakan, segala prosedur dapat diperkemas, segala sumber dan tenaga dalam organisasi akan digembleng dan segala usaha akan ditumpu untuk mencapai sasaran yang ditetapkan di dalam GTP.

SOALAN ( 12 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

JAWAPAN  
'TARIKH'

23 MAC 2010 (SELASA)

DARIPADA

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH  
BINTI MAHMUD (KOTA RAJA)

#### SOALAN

**Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menangani masalah penggunaan pengawal keselamatan serta pembinaan sekatan-sekatan secara berleluasa untuk menghalang orang awam daripada memasuki kawasan- kawasan taman perumahan yang bukan dibangunkan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318).  
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil berat mengenai keperluan dan tuntutan keselamatan komuniti yang tinggal di kawasan-kawasan taman perumahan. Oleh itu, KPKT sedang menggubal satu garis panduan khusus bagi merancang, mengawal dan memantau pembangunan skim-skim komuniti berpagar dan terkawal. Garis panduan ini akan dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dan apabila telah diluluskan akan diangkat ke Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) dan dibentangkan juga di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) supaya dijadikan syarat untuk permohonan kebenaran merancang bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Garis panduan ini menggariskan secara terperinci aspek-aspek perancangan dan pengawasan bagi kedua-dua konsep skim pembangunan iaitu *gated community scheme* (GACOS) yang dibangunkan selaras dengan peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985 (Pindaan 2007) dan *guarded neighbourhood* yang pada asasnya merupakan pemilikan individu (*individual landed title*) yang pembentukannya tidak tertakluk kepada Akta Hakmilik Strata 1985.

Bagi menangani masalah penggunaan pengawal keselamatan, garis panduan ini telah menetapkan bahawa pengawal keselamatan yang dilantik perlu berdaftar dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atau dengan agensi-agensi berkaitan. Garis panduan ini juga telah menetapkan secara tegas aspek- aspek berhubung dengan pembinaan sekatan/halangan yang berleluasa untuk menghalang laluan dan kemasukan orang awam di kawasan *guarded neighbourhood* melalui peraturan-peraturan berikut:

- i. Sebarang halangan, khususnya pemasangan *boom gate* tidak dibenarkan di pintu masuk atau di laluan awam. Ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 80, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan peruntukan Seksyen 46, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam.

JAWAPAN

- ii. Amalan semasa yang mensyaratkan orang awam mengemukakan/menyerahkan dokumen pengenalan

diri (khususnya lesen memandu dan kad pengenalan)  
adalah sama sekali tidak dibenarkan.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2010

NO. SOALAN: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal (Labuan)
TARIKH	23 MAC 2010

SOALAN : YB Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang diambil dalam memastikan sentimen perkauman dan agama tidak menjadi isu hingga boleh menggugat ketenteraman dan kestabilan negara.

JAWAPAN: ( YB Tan Sri Dr.Koh Tsu Koon)

Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian budaya, agama dan bahasa kadang-kala mencetuskan perselisihan serta sentimen perkauman dan agama yang berpotensi menggugat ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani dengan baikny.

Oleh itu, sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara selama 53 tahun, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum serta meredakan sebarang sengketa yang timbul. Langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil adalah seperti yang dirumuskan berikut:-

Pertama, menyediakan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang, sebagai rujukan untuk penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam pelbagai bidang ekonomi, sosial dan pendidikan. Generasi muda juga diberi pendedahan dan kefahaman mengenai asas kenegaraan ini melalui Kelab Rukun Negara di sekolah dan Sekretariat Rukun Negara di institusi pengajian tinggi.

Kedua, memperkenalkan dan melancarkan kempen pembaharuan dari masa ke semasa untuk memberi fokus dan dorongan kepada rakyat dalam proses pembinaan negara yang berterusan, seperti Wawasan 2020 pada tahun 1991 dan Gagasan IMalaysia mulai tahun sudah. Gagasan IMalaysia mengutamakan 'perpaduan dalam kepelbagaian' supaya rakyat bukan sahaja bertoleransi, tetapi menerima bahkan menghormati dan meraikan kepelbagaian agama dan budaya.

Ketiga, melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara berkasar, adil dan seimbang supaya dapat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna.

Keempat, menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara kaum di tempat kerja, tempat belajar, tempat kediaman dan dalam pelbagai aktiviti sosial melalui program-program spesifik seperti berikut:-

- (a) Rukun Tetangga untuk memupuk semangat kejiwaan dan perpaduan di kalangan penduduk dalam sesuatu kawasan di samping menjaga keselamatan dan kesejahteraan hidup.
- (b) Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) untuk menggalakkan kegiatan-kegiatan bersama antara sekolah-sekolah pelbagai aliran.
- (c) Program Latihan Khidmat Negara untuk memberi pengalaman latihan dan khidmat bersama bagi remaja secara besar-besaran.
- (d) Pelbagai program belia yang dianjurkan dan dilaksanakan melalui pertubuhan-pertubuhan belia serta pelbagai program untuk kaum wanita.
- (e) Program memajukan sukan berprestasi tinggi untuk mencapai kegemilangan dalam arena sukan antarabangsa yang menarik minat dan memupuk kebanggaan patriotik.

Kelima, mengwujudkan saluran dan mekanisma untuk wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama bertukar fikiran dan mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh.

Keenam, meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan berunding serta kemahiran mediasi di kalangan pemimpin masyarakat melalui latihan mediasi supaya mereka dapat mententeramkan keadaan dan menyelesaikan sengketa.



Ketujuh, menggubal, meminda dan melaksanakan secara adil undang-undang, segala peraturan dan garis panduan untuk menyelesaikan masalah- masalah yang bersabit dengan pembinaan dan pemindahan bangunan ibadat, perkahwinan campur, pertukaran agama dan penggunaan istilah keagamaan yang tertentu.

Walaupun langkah-langkah tersebut dapat menghasilkan kesan atau impak yang positif terhadap hubungan etnik, tetapi usaha yang lebih gigih dan efektif masih perlu diteruskan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa untuk memperkukuhkan jambatan antara bangsa, agama dan budaya supaya terus menjamin ketenteraman, kestabilan dan keamanan agama.

**SOALAN14**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN**

**BIN MD TAIB [BALING]**

**TARIKH**

**23 MAC 2010**

**SOALAN**

**Meminta**

**MENTERI**

**PELANCONGAN menyatakan:**

apakah benar pelancongan ke Langkawi telah merosot 15% sepanjang 2009 dan kebelakangan ini, sebagaimana didakwa oleh sesetengah pihak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sepanjang tahun 2009, pelancongan di Langkawi telah mencatat pertumbuhan yang positif di mana berdasarkan data kajian penginapan hotel, peningkatan sebanyak 5.5 peratus telah dicatat iaitu seramai 3.03 juta orang penginap berbanding 2.87 juta orang penginap pada tahun 2008. Berdasarkan data kajian tersebut, dakwaan sesetengah pihak bahawa pelancongan di Langkawi telah merosot 15 peratus adalah tidak benar.

Usaha-usaha promosi yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelancongan serta Lembaga Pembangunan Langkawi sepanjang tahun 2009 telah berjaya meningkatkan jumlah pelancong yang menginap di Langkawi. Malah, dengan adanya pertambahan pesawat tempahan khas terus ke Langkawi di suku tahun terakhir 2009 serta tumpuan Langkawi sebagai destinasi

pelancong bagi pasaran jarak jauh turut menyumbang ke arah peningkatan pelancong ke Langkawi.

Soalan No: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT :

BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN

DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ ALOR GAJAH ]

DARIPADA

: 23 MAC 2010

TARIKH

SOALAN

: 15

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan baru-baru ini Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, bolehkah Kementerian menyenaraikan syarikat kapal terbang yang menggunakan lapangan terbang ini. Apakah rancangan Kementerian memperbanyakkan kedatangan dan pelepasan kapal terbang daripada lapangan ini untuk menjadikan Melaka sebagai satu destinasi pelancongan utama.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini hanya PT Riau Airline dari Indonesia yang mengadakan penerbangan ke Lapangan Terbang Melaka. Syarikat ini mengadakan penerbangan berjadual sebanyak 6 kali seminggu bagi laluan Pekan Baru - Melaka - Pekan Baru dengan menggunakan pesawat F50.

Beberapa langkah telah diambil bagi menggalakkan syarikat penerbangan beroperasi ke Lapangan Terbang Melaka seperti berikut:

- (i) Menaik taraf Lapangan Terbang Melaka untuk menampung operasi pesawat B737 dan A320 berbanding pesawat jenis Fokker sebelum ini;

- (ii) Menawarkan insentif kepada syarikat penerbangan yang beroperasi ke lapangan terbang tersebut, melalui Malaysia Airports Holdings Berhad, dengan memberi diskaun sebanyak 50% bagi caj pendaratan untuk tempoh 2 tahun efektif 1 April 2009 hingga 31 Mac 2011 (domestik dan antarabangsa) bagi penerbangan sedia ada. Bagi penerbangan baru (antarabangsa sahaja) insentif sebanyak RM25 diberikan bagi setiap penumpang bagi tempoh 12 bulan efektif 1 Januari 2009 dan caj pendaratan percuma untuk tempoh 3 tahun. Syarikat penerbangan antarabangsa yang baru juga diberikan kadar sewa pejabat di lapangan terbang secara percuma selama 6 bulan;
- (iii) Memasukkan Melaka sebagai *designated point* di Malaysia di bawah Perjanjian Perkhidmatan Udara dua hala dengan negara asing bagi membolehkan syarikat penerbangan asing beroperasi ke destinasi tersebut. Selain itu, Melaka juga akan dimasukkan sebagai salah satu destinasi yang akan diliberalisasikan di bawah *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Services*. Di bawah Perjanjian ini, yang dijadual untuk dimuktamadkan pada tahun ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN akan dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana- mana destinasi ASEAN yang mempunyai lapangan terbang antarabangsa, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

JAWAB LISAN PUAN TEO  
NIE CHING 23 MAC 2010  
(SELASA) NO.16

Puan Teo Nie Ching [ Serdang ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan atas apa rasional pihak pentadbiran Universiti Kebangsaan Malaysia sanggup menyetepikan autonomi universiti sehingga membenarkan Light Strike Force polis memasuki kampus UKM untuk mengepung, mengasari dan menangkap mahasiswa- mahasiswi yang membantah sistem e-undi pada 29 Januari 2010.

#### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 28 Januari 2010, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menjalankan proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UKM. Keputusan pemilihan telah diumumkan pada jam 11.30 malam pada hari yang sama. Namun terdapat seramai lebih kurang 100 orang pelajar telah tidak berpuas hati dengan keputusan yang diumumkan dan mula merusuh di tempat pengumuman. Pegawai-pegawai tertinggi universiti telah dikepung dan tidak dibenar meninggalkan tempat pengumuman sehingga jam 4.00 pagi. Apabila keadaan tidak dapat

dikawal oleh pihak keselamatan universiti, maka bantuan telah diminta daripada pasukan polis Kajang. Dengan kehadiran pasukan polis keadaan dapat dikawal dengan baik sehingga kumpulan pelajar bersurai, namun tiada tangkapan dibuat pada masa itu.

Pada 29 Januari 2010, lebih kurang jam 2.00 petang selepas solat Jumaat, kumpulan yang sama telah berkumpul di hadapan masjid UKM. Pihak polis juga dipanggil untuk mengawal keadaan dan kumpulan pelajar telah bersurai dengan aman. Tiada sebarang kekasaran dan tangkapan yang dilakukan oleh pihak polis. Tindakan seperti ini diambil adalah semata-mata kerana keselamatan yang terancam dan tidak ada kaitan dengan soal autonomi.





M)- Q

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN    JAWAB LISAN  
DARIPADA        TENGKU RAZALEIGH HAMZAH 23  
TARIKH            MAC 2010 (SELASA)  
SOALAN           NO.17

Tengku Razaleigh Hamzah [ Gua Musang ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapa jumlah sebenar institusi pengajian tinggi milik Kerajaan dan swasta di negara ini serta bagaimanakah caranya Kerajaan mengawal selia agar kos pembelajaran yang dikenakan tidak membebankan generasi muda wargabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 28 Februari 2010, terdapat 20 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Manakala institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pula ialah sebanyak 437 buah yang terdiri daripada 20 buah bertaraf universiti, 20 buah bertaraf kolej universiti, 5 buah kampus cawangan universiti luar negara dan 392 buah IPTS bukan bertaraf universiti.

Tuan Yang Di Pertua,

Kadar yuran yang dikenakan oleh IPTA, khususnya bagi peringkat ijazah pertama, pada dasarnya dikawal oleh Kerajaan dengan memberi subsidi di antara 78 hingga 96 peratus. Umpamanya, kos keseluruhan setahun bagi seorang pelajar bagi program di Kulliyah Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ialah RM64,222.00, namun pelajar hanya perlu membayar kadar yuran setahun sebanyak RM3,005.00. Ini bermakna subsidi Kerajaan ialah sebanyak RM61,217.00.

Di IPTS pula, berdasarkan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, IPTS hanya boleh mengenakan yuran bagi setiap kursus pengajian berdasarkan kadar yang ditetapkan semasa proses permohonan mengendalikan kursus pengajian kepada Kementerian. Sebarang permohonan oleh IPTS bagi penetapan atau kenaikan yuran akan dipastikan ianya tidak membebankan pelajar.

**SOALAN NO: 18**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN: LISA  
N**

**DARIPADA YB DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]**

**SELASA, 23 MAC 2010**

**TARIKH**

**01 [PR-1231-L36336]**

**RUJUKAN**

**SOALAN**

**Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]** minta  
**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN  
KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah alasannya projek  
pembangunan Labuan Central Market, terminal Bas dan Teksi yang baru  
dihentikan kerja selama hampir satu tahun dan bilakah projek ini dapat  
diseyapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu, **Proieik Pembinaan Pasar Baru Labuan** dihentikan ekoran kegagalan pihak kontraktor terbabit menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan.

Bagi projek ini, tempoh kerja yang telah ditetapkan adalah bermula dari **tarikh penyerahan tapak pada 18 Mac 2008** sehingga **tarikh jangkaan siap iaitu 17 Januari 2010**.

Kontrak tersebut telah ditamatkan pada **7 Januari 2010** mengikut **Fasal 51** syarat kontrak. **Peratusan kerja siap** semasa penamatan kontrak adalah sebanyak **22.21%**. Perlantikan kontraktor baru dijangka akan dilakukan pada Mei 2010. Ekoran perkembangan terbaru ini, projek pembinaan Pasar Baru Labuan dijangka siap pada **November 2011**.

Sementara itu, **proieik pembinaan Stesven Teksi dan Bas Labuan** turut dihentikan kerana kegagalan kontraktornya untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh kerja yang telah diberikan kepada kontraktor adalah dari **tarikh penyerahan tapak pada 18 Mac 2008** sehingga **tarikh jangkaan siap pada 28 September 2009**.

Kontraktor telah turut diberikan **tempoh lanjutan masa** sehingga **1**

**Jun 2010.** Akibat kegagalan kontraktor menepati semua ketetapan yang telah digariskan, maka kontrak syarikat tersebut telah **ditamatkan pada 7 Januari 2010** mengikut **Fasal 51** syarat kontrak. **Peratusan kerja siap semasa penamatan dibuat adalah sebanyak 46.50%.** Baai proiek ini, perlantikan kontraktor baru diianaka akan dilakukan pada Mei 2010. Seleos itu tarikh baru ianakaan siap proiek ini adalah pada Mei 2011.

Soalan No : 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN
.....	(BESUT)
TARIKH	23.03.2010

**SOALAN:**

Y.B. DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN [ BESUT ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian supaya Sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) mendaftar dengan Kementerian sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah dijalankan mulai tahun 2005. SAR yang berminat untuk menjadi SABK hendaklah berdaftar dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan KPM yang mengurus sendiri oleh pihak Kementerian. Syarat yang ditetapkan dalam MoU adalah satu jaminan Kerajaan dalam pemberian bantuan dan akujanji antara pihak KPM dengan pihak sekolah bagi mengelakkan salah faham.

KPM telah menjalankan sesi penerangan dan taklimat kepada kerajaan-kerajaan Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Kermajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan pihak sekolah berhubung dengan program pendaftaran ini bagi menarik lebih banyak lagi sekolah untuk terus berdaftar dengan KPM. Setelah menandatangani MoU tersebut, pihak sekolah akan diberi bantuan seperti berikut:

1. Bantuan Pembangunan Sekolah;
2. Bantuan Penyelenggaraan Sekolah;
3. Bantuan Per kapita Mata pelajaran (P.C.G);
4. Bantuan KoKurikulum Sekolah;
5. Bantuan Pakaian Seragam;
6. Bantuan Makanan Asrama;
7. Bantuan Bayaran Utiliti Sekolah;
8. Bayaran Gaji Guru;
9. KWAPM pada murid yang layak;
10. Biasiswa pada murid yang layak; dan
11. Baucer Tuisyen Murid

SOALAN NO : 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN TONY PUA KIAM WEE [
	PETALING JAYA UTARA ] 23
TARIKH	
SOALAN :	Mac 2010

Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan akan merombak semula kesemua perjanjian penjana kuasa bebas yang dijamin keuntungan yang lumayan sebelum Kerajaan melaksanakan pengurangan subsidi elektrik kepada sektor komersial dan rakyat jelata.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menghormati sebarang perjanjian atau kontrak yang telah ditandatangani oleh pihak Kerajaan. Oleh yang demikian, Kerajaan tiada rancangan untuk merombak semula atau menamatkan kontrak Perjanjian Pembelian Tenaga (*Power Purchase Agreement* - PPA) secara *unilateral* dengan pihak IPP sebelum tamat tempoh kontrak tersebut. Sebaliknya, pendekatan yang diambil oleh Kerajaan ialah supaya PPA tersebut dirundingkan semula.

Memandangkan rundingan semula PPA merupakan perkara yang rumit dan memerlukan tempoh masa yang agak lama untuk menentukan hasilnya, ia akan ditangani secara berasingan.

Soalan No: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN: LISAN  
DARIPADA: YB. HAJI AHAMD LAI BIN BUJANG  
[SIBUTI]  
TARIKH: 23 MAC 2010

SOALAN:

21. PR-1231-L36255  
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah kajian pelaksanaan penstrukturan semula subsidi minyak melibatkan pengguna di Sarawak. Ini kerana disebabkan struktur permukaan bumi dan jalan yang tidak berturap pilihan kenderaan penduduk luar bandar dan rumah panjang adalah kereta pacuan 4 roda yang mempunyai kapasiti enjin besar. Adakah mereka terpaksa membayar harga minyak yang lebih tinggi.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN BERKENAAN.  
**SOALAN NO.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA Y.B. DATO' HAJI WAN ABDRAHIM BIN**  
**WAN ABDULLAH (KOTA BHARU)**



**TARIKH**                      **23 MAC 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH (KOTA BHARU)** minta **MENTERI KERJA RAYA**  
menyatakan bilakah jambatan kedua Sultan Yahya Petra di Kota Bharu  
dapat digunakan oleh pengguna-pengguna jalan raya.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Membina Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu telah dimulakan pada 18 Jun 2007 dengan tempoh siap asal selama 30 bulan, iaitu sepatutnya disiapkan pada 17 Disember 2009. Walau bagaimanapun, projek ini telah mengalami kelewatan berikutan kesan dari kenaikan mendadak harga bahan binaan di pasaran yang berlaku antara akhir tahun 2006 hingga awal tahun 2008. Di samping itu, faktor kelemahan kontraktor, perubahan reka bentuk dan cuaca juga menjadi antara punca kelewatan projek ini.

Sehubungan itu, JKR telah mempertimbangkan dan seterusnya memberikan 3 Tempoh Lanjutan Masa (EOT) dengan tempoh keseluruhan EOT selama 600 hari kepada kontraktor terlibat, Konsortium I.S. Resources Sdn Bhd - Ris Capital (M) Sdn. Bhd.. JKR juga telah mengeluarkan 6 Surat Amaran kepada kontraktor untuk mempercepatkan prestasi kemajuan projek di tapak. Sehingga 1 Mac 2010, projek ini telah mengalami kelewatan selama 103 hari di mana kemajuan fizikal dicatatkan ialah 40% sahaja berbanding 56% mengikut jadual. Berdasarkan perancangan dan EOT ketiga, projek ini dijangka akan siap sepenuhnya pada 10 Ogos 2011.



AM

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI

TARIKH

23 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ <sup>N0.23</sup>Ledang ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan kerjasama aktif antara IPT dengan industri dalam aspek latihan industri, penyelidikan dan pengkomersialan bagi tujuan:

- (a) meningkatkan kebolehpasaran graduan di sektor pekerjaan; dan
- (b) meningkatkan keyakinan graduan menceburi bidang keusahawanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebolehpasaran graduan adalah merupakan salah satu program daripada 21 agenda kritikal Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Dalam menjayakan program yang dirancang, kerjasama dengan pihak industri sememangnya merupakan satu keperluan. Kementerian telah dan akan terus menjalinkan kerjasama dan menggalakkan penglibatan industri dalam semua program yang bersesuaian. Di antara langkah yang diambil bagi meningkatkan kerjasama dengan industri ialah:

- i. mengadakan dialog secara berkala di antara akademia dan industri;
- ii. meningkatkan penglibatan pihak industri dalam semakan program pengajian bagi memastikan kurikulum yang digubal adalah selari dengan keperluan industri semasa;
- iii. melibatkan pihak industri dalam program latihan industri berstruktur;
- iv. menggalakkan penyertaan industri dalam program yang dianjurkan oleh KPT seperti Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G);dan
- v. mewujudkan kolaborasi dengan industri dalam bidang R&D;

Bagi melahirkan graduan berkualiti yang memenuhi kehendak pasaran dan membantu graduan mendapat pekerjaan serta menggalakan graduan menceburi bidang keusahawanan, KPT telah melaksanakan beberapa usaha, antaranya ialah:

- i. membangunkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*soft skills*) dan Modul Asas Pembudayaan Keusahawanan yang diajar di semua IPTA;
- ii. menjalankan Program Pentauliahan Profesional (3P) untuk pelajar tahun akhir bidang teknologi maklumat dan komunikasi dengan menganugerahkan *vendor-based certification* daripada syarikat-syarikat perisian komputerterkenal;
- iii. membantu siswazah yang telah tamat pengajian untuk mengikuti program latihan khusus dengan kerjasama *Government Link Company* (GLC) dan pihak industri seperti Khazanah Nasional Berhad, *Multimedia Development Corporation* (MDEC), Bank Negara Malaysia (BNM), *SME Corporation*, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan beberapa syarikat tempatan lain;

- iv. menjalankan Program Penjodohan (*Matching*) Siswazah dengan Industri melalui kerjasama dengan syarikat tempatan yang mencari dan menempatkan para siswazah di industri yang bersesuaian;
- v. menyediakan peruntukan khas untuk Program Latihan Industri dan Employability. Pada tahun 2009, KPT telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi menjayakan program ini. Ini merupakan inisiatif kerajaan untuk melatih dan meningkatkan kemahiran mereka bagi memenuhi kehendak pasaran;
- vi. memperkenalkan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G) yang mengintegrasikan dan menggembeng kerjaya dan keusahawanan di kalangan graduan. Karnival pada tahun 2009 melibatkan penyertaan daripada 600 buah syarikat swasta termasuk MNC, GLC dan usahawan tempatan, telah menawarkan sebanyak 13,000 peluang pekerjaan; dan
- vii. menganjurkan program-program khas keusahawanan dengan kerjasama agensi yang berkaitan seperti SME Bank, SME Corporation, MARA dan PUNB bagi memberi bimbingan awal dan *coaching* yang berterusan kepada graduan dalam bidang keusahawanan.

NO. AUM : 28

NO. AUP : 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN  
[ PADANG SERAI ]  
TARIKH 23 MAC 2010  
RUJUKAN 2552

SOALAN:

Tuan Gobalacrishan a/l Nagapan [ Padang Serai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan yang diambil terhadap Nasir Saafar yang menghina masyarakat Cina dan India dan mereka terlibat dalam perarakan kepala lembu serta langkah-langkah pencegahan supaya perkara-perkara seperti ini tidak berulang kembali.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak PDRM



telahpun selesai menjalankan siasatan ke atas kes ini dan kertas siasatan berkenaan telahpun dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya Melaka untuk tindakan selanjutnya.

Soalan No. ^-S

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN AARON AGO ANAK  
DAGANG (KANOWIT)**

**23 Mac 2010**

**TARIKH** **25**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah peruntukan dan senarai jalan luar bandar di bawah NKRA mengikut kawasan Parlimen di Sarawak yang akan dibina dalam masa tiga tahun akan datang (2010-2012)

**JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah RM2.0 bilion telah diperuntukkan di bawah pelaksanaan program Jalan Luar Bandar (JALB) NKRA Negeri Sarawak. Peruntukan yang diperakukan adalah bagi membiayai 163 projek JALB yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 889.1km dalam tempoh 2010 hingga 2012.

Soalan No : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA N
DARIPADA	Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)
TARIKH	23.03.2010

**SOALAN:**

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa disambut atau diraikan di Malaysia dan bagaimanakah dasar Kerajaan terhadap semangat dan perjuangan untuk memperkukuhkan pemakaian bahasa ibunda setiap warganegaranya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak meminggirkan penggunaan bahasa ibunda dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Buktinya, selain bahasa Malaysia yang menjadi bahasa pengantar di sekolah kebangsaan, bahasa ibunda telah menjadi bahasa pengantar di SJKC dan SJKT. Kedudukan bahasa ibunda di sekolah-sekolah tersebut dinyatakan melalui peruntukan dalam Seksyen 17 Akta Pendidikan 1996.

Berhubung dengan pelaksanaan Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa, KPM memang melaksanakan bahasa-bahasa antarabangsa di sekolah-sekolah seperti di sekolah berasrama penuh. Antara bahasa antarabangsa yang diperkenalkan ialah bahasa Jepun, bahasa Jerman, bahasa Perancis dan

bahasa Arab. Bagi mendalami penguasaan bahasa-bahasa tersebut selain daripada pengajaran dan pembelajaran di kelas, murid juga didedahkan melalui aktiviti kokurikulum seperti kelab dan persatuan. Sehubungan itu, dalam aktiviti kokurikulum ini, program seperti karnival bahasa turut diadakan atas inisiatif pihak sekolah yang melaksanakan program bahasa tersebut.

Rjm 34

NO. AUM : 49

NO.AUP : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [ RANAU ]  
TARIKH 23 MAC 2010  
RUJUKAN 2380

SOALAN:

Datuk Siringan bin Gubat [ Ranau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab-sebab kenapa Sabah mempunyai pemegang kad pengenalan merah yang paling tinggi iaitu berjumlah 12,000 orang berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Ranau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bilangan pemegang Kad Pengenalan Merah (MyPR) yang lahir di Malaysia adalah seramai 64,327. Daripada jumlah tersebut seramai 12,092 adalah dari negeri Sabah.

Tuan Yang DiPertua,

Kad Pengenalan Merah (MyPR) hanya dikeluarkan kepada mereka yang layak berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan- peraturan imigresen dan pendaftaran negara yang sedia ada.

SOALAN NO: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN :      JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]

TARIKH 23 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:

- a) kos keseluruhan untuk menganjurkan majlis pelancaran Program IMalaysia bersama rakyat di negeri Melaka pada 4.2.2010; dan
- b) apakah jumlah peruntukan untuk Kerajaan Negeri memajukan tapak pelancaran sebagai Dataran 1 Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- a) Penganjuran majlis pelancaran Program IMalaysia bersama rakyat di negeri Melaka pada 4.2.2010 adalah hasil kerjasama pelbagai Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian ini. Kerjasama yang diberikan terhadap Program 1 Malaysia meliputi persembahan pentas, sistem audio visual, kawalan media dan hal ehwal mempromosi program. Kos yang terlibat adalah sekadar kos pentadbiran dan bayaran untuk artis jemputan. Perbelanjaan jamuan rakyat dan usaha memajukan Dataran 1 Malaysia adalah ditanggung oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Kementerian ini tiada maklumat mengenai tapak pelancaran tersebut kerana peruntukan untuk memajukan tapak pelancaran sebagai Dataran 1 Malaysia adalah dibiayai oleh Kerajaan Negeri Melaka.

NO AUM:47

NO AUP

: 10/

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK DR. MARCUS MOJIGOH  
[PUTATAN]  
TARIKH 23 MAC 2010  
RUJUKAN 2379

SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:

- a) Mengapa Kementerian tidak menggunakan senjata jenis Taser X26 ECD (Electroshock Gun) bagi menangani jenayah ringan dan kegunaan di pusat-pusat tahanan seperti penjara; dan
- b) Mengapakah senjata jenis ini tidak dibekalkan kepada PDRM dan Penjara di Sabah dan Sarawak.



Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan kerana mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian sentiasa serius dalam menangani jenayah ringan untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara. Bagi meningkatkan tahap keberkesanan penugasan PDRM, Kementerian telah melaksanakan perolehan sebanyak 210 unit senjata jenis Taser X26 bernilai RM2,068,500.00 pada tahun 2007. Sebanyak 26 unit telah pun dibekalkan kepada PDRM di Sabah dan Sarawak.

Sementara itu Jabatan Penjara juga mempunyai senjata yang sama iaitu sebanyak lima (5) unit tetapi pada masa ini digunakan untuk tujuan latihan dan penggunaan Trup Tindakan Cepat (TTC). Sekiranya terdapat keperluan, anggota TTC yang terlatih dalam penggunaan senjata tersebut, akan digerakkan ke lokasi yang memerlukannya.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian berhasrat menambah senjata berkenaan secara berperingkat berdasarkan keperluan dan kemampuan kewangan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI (PAS IRMAS)
TARIKH	23.03.2010

**SOALAN:**

Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah keputusan yang telah dibuat mengenai sistem penggredan baru Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu daripada 1A dan 2A kepada A+, A & A-. Ini kerana penggredan semula akan mengakibatkan pelajar-pelajar di luar bandar terutama Bumiputera tidak mencapai tahap A+, A & A- berbanding pelajar-pelajar yang berada di bandar. Apakah cadangan ini akan dikaji semula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 9 September 2009 telah bersetuju untuk melaksanakan sistem penggredan baru mulai peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2009. Perubahan sistem penggredan ini bertujuan untuk memperincikan pencapaian Gred A calon yang mencapai tahap cemerlang tertinggi di peringkat SPM. Pelaksanaan sistem penggredan baru hanya menambah Gred A+ untuk pencapaian tahap sangat cemerlang. Gred A+ merupakan pecahan daripada Gred A sedia ada yang diamalkan sebelum ini.

Melalui pelaksanaan sistem penggredan baru ini, KPM percaya bahawa penggredan baru SPM ini tidak akan menjejaskan murid-murid luar bandar berbanding murid-murid bandar khususnya kaum Bumiputera. Hal ini adalah

berdasarkan data dan maklumat keputusan peperiksaan SPM sebelum ini menunjukkan pencapaian murid luar bandar adalah setanding dengan pencapaian murid-murid bandar. Data dan maklumat keputusan peperiksaan SPM sebelum ini juga menunjukkan ramai murid luar bandar yang sangat cemerlang.

Pada masa ini, KPM tiada cadangan untuk mengkaji sistem penggredan baru ini, memandangkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri telahpun bersetuju untuk melaksanakannya mulai peperiksaan SPM Tahun 2009. Di samping itu, semua calon yang menduduki peperiksaan SPM Tahun 2009 akan memperoleh keputusan mereka berdasarkan gred baru yang diperkenalkan. Pemberitahuan kepada semua calon telah dilakukan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas KPM berhubung perubahan sistem penggredan baru SPM.

Soalan No: 31

MESYUARAT PERT AM A, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE DUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN YB DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM  
(SERIAN)

TARIKH

23.03.2010

SOALAN

Minta Menteri 31 Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah peruntukan bagi projek-projek jalan kampung, bekalan air, bekalan elektrik dan lampu jalan kampung dalam tempoh NKRA (2010-2012) bagi seluruh negeri Sarawak amnya dan bagi daerah Serian khususnya.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam tempoh NKRA bermula pada tahun 2010 hingga 2012, Kerajaan fokus kepada pelaksanaan projek infrastruktur asas di kawasan luar bandar melibatkan projek Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Projek jalan kampung dan lampu jalan kampung tidak dimasukkan sebagai projek NKRA dan akan diteruskan menggunakan peruntukan RMK-10 yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE-JPM).

Bagi pelaksanaan projek JALB di negeri Sarawak, Kerajaan dalam tempoh NKRA telah memperuntukkan sejumlah RM2.0 bilion untuk pembinaan 163 batang

jalan sepanjang 885.5 km. Dari jumlah tersebut, RM76.8 juta telah diperuntukkan untuk membina 7 batang jalan di daerah Serian sepanjang 38 km.

Bagi projek BELB pula, Kerajaan dalam tempoh 2010 hingga 2012 telah memperuntukkan sejumlah RM1.74 bilion kepada negeri Sarawak untuk pelaksanaan 1,932 projek dan akan memberi manfaat kepada 77,800 buah rumah. Khusus bagi daerah Serian, sejumlah RM55.09 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan 65 projek BELB dan akan memberi manfaat kepada 2,635 buah rumah.

Bagi Projek BALB pula, Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM1.46 bilion untuk pelaksanaan projek di negeri Sarawak melibatkan 407 projek yang akan memberi manfaat kepada 92,382 buah rumah. Dari amaun tersebut, RM164.06 juta diperuntukkan untuk daerah Serian melibatkan pembinaan 8 projek yang akan memberi manfaat kepada 7,403 buah rumah.

MESYUARAT PERT AM A, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN HAJIAB AZIZ BIN AB KADIR (KETEREH)
TARIKH	23.03.10
SOALAN	32

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan senarai kawasan luar bandar yang tidak termasuk di dalam liputan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga operasi Pihak Berkuasa Tempatan dan nyatakan agensi manakah yang bertanggungjawab ke atas kawasan-kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia telah mentakrifkan kawasan luar bandar sebagai kawasan yang mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang serta kawasan yang tidak diwartakan iaitu di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Manakala operasi PBT adalah meliputi kawasan yang diwartakan di bawah Akta 176 PBT. Ini bererti liputan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah termasuk kawasan pertanian, hutan, penempatan kampung, pesisiran pantai dan pulau yang secara keseluruhannya terdiri daripada 70% keluasan negara iaitu 231,180 km persegi atau 23 juta hektar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, terdapat kawasan di luar bandar yang bukan di dalam operasi PBT dan bukan di bawah tanggungjawab KKLW sepenuhnya seperti

kawasan ladang dan estet persendirian yang berkeluasan melebihi 1,000 ekar. Kawasan ini adalah di bawah tanggungjawab pemilik estet itu sendiri.

NO. AUM : 5

NO. AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN

PERTANYAAN

PUAN TAN AH ENG [ GELANG PATAH ]

DARIPADA

23 MAC 2010

TARIKH

2373

SOALAN  
RUJUKAN

Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ] minta MENTERI DALAM  
NEGERI menyatakan

(a) langkah-langkah untuk mengatasi masalah Pekerja  
Asing Tanpa Izin (PATI); dan

(b) adakah pendakwaan mahkamah terhadap pekerja  
asing tanpa izin dikaji semula untuk mempercepatkan  
penghantaran balik.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Gelang Patah yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) merujuk kepada warganegara asing yang masuk dan berada di negara ini dengan melanggar peruntukan yang ditetapkan dalam Akta Imigresen 1959/63 atau Akta Pasport 1966 serta Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Kerajaan sentiasa memantau dan memandang serius kehadiran begitu ramai warganegara asing ke negara ini dengan memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan ancaman-ancaman yang dibawa oleh pelawat asing ini kepada masyarakat Malaysia dari segi sosial, ekonomi dan budaya.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan masalah PATI adalah:-

- i) membentangkan isu PATI kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKK-PA/PATI) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri bagi mendapatkan dasar-dasar umum menyelesaikan isu-isu PATI secara holistik;
- ii) mengadakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ikatan Relawan

Rakyat Malaysia (RELA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar syarat- syarat dan peraturan-peraturan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;

- iii) pengawasan di sepanjang persisiran perairan negara akan dipertingkatkan, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Polis Marin, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kerajaan juga sentiasa memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA); dan
- iv) memastikan bahawa pelawat-pelawat asing ke negara ini mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan program yang bertujuan untuk mempercepatkan penghantaran pulang PATI, di mana PATI yang melakukan kesalahan memasuki Malaysia tanpa Pas atau Permit yang sah dan tinggal di Malaysia selepas tamat tempoh Pas, hanya dikenakan kompaun yang nominal tanpa perlu melalui perbicaraan di Mahkamah PATI sebelum dihantar pulang

ke negara asal. Sehingga 31 Disember 2009, sejumlah 39,813 orang PATI telah dihantar pulang melalui program ini.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUABELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB Datuk Eric Enchin Majimbun  
(SEPANGGAR)**

**TARIKH 23.03.2010**

**SOALAN 34**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah sebenar peruntukan semula bagi pembinaan menaik taraf jalan Kokol yang dahulunya diperuntukan RM34.0 juta dan RMK-9. Bilakah jalan-jalan luar bandar seperti Jalan Telipok/Kiulu, Jalan Babagon Toki Inanam, Jalan Kawakaan/Tindai Inanam dan Jalan Pulutan Menggatal dinaik taraf.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB. Datuk, kos pembinaan projek menaiktaraf jalan Kokol- Poring-Poring, Kota Kinabalu, Sabah berjumlah RM79.0 juta. Pelaksanaan projek ini melibatkan pembinaan jalan sepanjang 18.0km dan berdasarkan piawaian JKR R3. Pembinaan projek ini telah dimulakan pada 15 September 2008 dan dijadualkan siap pada 14 September 2010.

Mengenai permohonan YB. Datuk untuk melaksanakan empat (4) projek Jalan Luar Bandar (JALB) di kawasan Parlimen Sepanggar, Kementerian ini telah menyenaraikan projek jalan Kolopis Tindai Kawakaan di bawah NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang

4.0km dengan anggaran kos berjumlah RM 8.89 juta. Walau bagaimanapun bagi cadangan projek Membina jalan Kiambalang-Babagon Toki, Inanam, Kota Kinabalu, membina jalan Pulutan-Mensiang, Menggatal dan menaiktaraf jalan Telipok/Kiulu, Kementerian telah menyenaraikan projek tersebut dibawah RMKe-10 dan pelaksanaannya dijangka pada tahun 2013 hingga 2015 tertakluk kepada peruntukan mencukupi disediakan.

M1:

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. TUAN ALEXANDER NANTA  
LINGGI (KAPIT)

TARIKH

23.03.2010 (SELASA)

NO. SOALAN

35

Tuan Alexander Nanta Linaai [Kapit] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan segala yang telah dipersetujui antara Malaysia dengan negara India baru-baru ini yang boleh mempertimbangkan dagangan antara kedua negara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke New Delhi dan Chennai, India dari 19 hingga 23 Februari 2010, Malaysia dan India telah bersetuju untuk mempercepatkan rundingan *Malaysia-India Comprehensive Economic Cooperation Agreement (MICECA)*, agar dapat dimeterai pada penghujung tahun ini. MICECA merangkumi bukaan pasaran, perdaaanqan barangan dan perkhidmatan, pelaburan dan kerjasama ekonomi. Melalui MICECA, pengeksporth tempatan akan mendapat lavanan istimewa (preferential treatment) dan kelebihan untuk bersaing di India berbanding dengan negara-negara lain.

Malaysia dan India juga telah bersetuju untuk meningkatkan hubungan dua hala melalui penubuhan Malaysia-India CEO Forum. Forum ini bertuiuan untuk meningkatkan interaksi antara Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat Malaysia dan India, menambahkan kevakinan komuniti pemiaqaan dan sebagai landasan untuk berdialog diantara pihak swasta dan kerajaan dikedua-dua negara. Ahli-ahli Forum tersebut terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat Malaysia dan India dalam industri seperti telekomunikasi, penerbanqan, gas dan petroleum, pembinaan dan bioteknoloqi.

Tuan Yang DiPertua,

Delegasi Pemiagaan yang menyertai lawatan YAB Perdana Menteri ke India merangkumi 31 orang dari pelbagai sektor termasuk sektor pembinaan infrastruktur. pendidikan. produk kimia. perubatan. bioteknologi dan jCT. Syarikat-syarikat tersebut telah mengadakan 166 pertemuan pemiagaan bersama syarikat-syarikat India di New Delhi dan 60 pertemuan pemiagaan di Chennai bagi membincangkan hubungan usahasama dalam aktiviti pelaburan dan perdagangan.

Syarikat-syarikat Malaysia dan India telah menandatangani 18 Memorandum Persefahaman dalam sektor perkhidmatan. penerbangan. bioteknologi. pembinaan infrastruktur. gas dan petroleum, pendidikan. teknologi dan multimedia. Jumlah pelaburan hasil kerjasama Memorandum Persefahaman yang dimaklumkan setakat ini adalah dianggarkan sebanyak RM 534 juta.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain dari apa yang telah dipersetujui oleh Kerajaan dan pihak swasta kedua- dua negara, pelbagai aktiviti-aktiviti lain telah dilaksanakan semasa lawatan ke India untuk menarik perdagangan dari India. Antara aktiviti-aktiviti yang telah diadakan adalah seperti *Malaysia-India Business Forum* di New Delhi yang disertai oleh ahli-ahli pemiagaan Malaysia dan India, Mesyuarat Meia Bulat YAB Perdana Menteri bersama 34 ketua-ketua industri India dan pelancaran *Malaysia Property Exhibition* di Chennai.

NO. AUM : 11

NO.AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB  
LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : DATO\* SERI MOHAMMAD NIZAR BIN  
JAMALUDDIN [ BUKIT GANTANG ]

DARIPADA 23 MAC 2010

TARIKH 2375

RUJUKAN  
LISAN

SOALAN:

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [ Bukit Gantang ]  
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa tidak ada  
tindakan tegas kepada Dato Nasir Safar, Pegawai Khas kepada  
YAB Perdana Menteri yang jelas ucapannya menimbulkan  
sentimen perkauman dan telah banyak laporan polis dibuat.





## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Gantang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis telahpun selesai menjalankan siasatan ke atas kes ini dan kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya Melaka untuk tindakan selanjutnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                 LISA  
   N  
   Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN  
DARIPADA                     MOHAMED (SEKIJANG)  
TARIKH                         23.03.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [ SEKIJANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Guru Kanan Mata Pelajaran di Sekolah Gred B tidak layak mendapat elaun tanggungjawab (ETJ) seperti Sekolah Menengah Gred A.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran Elaun Tanggungjawab (ETJ) diberikan kepada guru-guru di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. (KPM) berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) KPM Bil. 3 Tahun 2002. Berdasarkan peraturan sedia ada yang berkuatkuasa, ETJ hanya layak dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang menyandang jawatan seperti berikut:

- (i) . Penolong Kanan, Penyelia Petang, Guru Kanan Mata Pelajaran di Sekolah Menengah (SM) Gred A;
- (ii) . Guru Kanan Pentadbiran, Hal Ehwal Murid, Kokurikulum dan Penyelia Petang di SM Gred B;

- (iii) . Penolong Kanan dan Penyelia Petang di Sekolah Rendah (SR) Gred A; dan
- (iv) . Guru Kanan Pentadbiran, Hal Ehwal Murid, Kokurikulum dan Penyelia Petang di SR Gred B.

Berdasarkan kepada kelulusan perjawatan berasaskan sekolah (*school based*), jawafan 'RenafRah" pangkaf 'Penolong" Kanan dan Guru Kanan 'Mafa ' Pelajaran' (Ketua Bidang) telah diwujudkan melalui waran perjawatan 2008. Walau bagaimanapun, kumpulan PPP ini tidak termasuk dalam kategori yang layak menerima ETJ berasaskan Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bil. 3 Tahun 2002. Jawatan tambahan Penolong Kanan dan Ketua Bidang/Guru Kanan Mata Pelajaran tersebut termasuklah jawatan Guru Kanan Mata Pelajaran di Sekolah Menengah Gred B.

Pada 9 Oktober 2007, KPM telah mengemukakan permohonan untuk pemanjangan ETJ kepada semua PPP yang memegang jawatan sebagai Penolong Kanan dan Guru Kanan Mata Pelajaran di semua sekolah di bawah KPM kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kertas permohonan berkenaan masih dalam pertimbangan Agensi Pusat.

Rjm 32

### **SOALAN NO : 38**

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA**                    **DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
   **[HULU LANGAT]**  
**TARIKH**                        **23 MAC 2010**  
**SOALAN**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- (a) kemudahan terbaru termasuk radas penyinaran yang digunakan di Hospital Malaysia dalam merawat penyakit barah payu dara dan rahim dan
- (b) peratus kejayaan yang dicapai dalam merawat penyakit barah payu dara dan rahim

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemampuan untuk merawat pesakit barah di negara ini. Bagi tujuan tersebut rawatan bagi penyakit barah disediakan di hospital utama di



semua negeri. Modaliti rawatan bagi pesakit kanser adalah bergantung kepada peringkat (*stage*) kanser tersebut. Secara umum, rawatan awal adalah pembedahan di mana usaha dibuat untuk membuang sel-sel barah. Ini akan disusuli oleh rawatan radioterapi dan kemoterapi dan rawatan tersebut akan bergantung kepada peringkat (*staging*) kanser tersebut.

Rawatan pembedahan dan kemoterapi disediakan di hospital-hospital utama Kementerian Kesihatan, hospital-hospital universiti serta hospital-hospital swasta.

Rawatan penyinaran radioterapi pula terdapat di beberapa fasiliti Kementerian Kesihatan iaitu di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Umum Kuching Sarawak dan Hospital Sultan Ismail Johor serta di hospital-hospital universiti dan beberapa pusat swasta.

Modaliti rawatan penyinaran menggunakan alat *linear accelerator* dan alat *brachytherapy*. Alat *linear accelerator* baru mempunyai teknik terkini bagi rawatan iaitu *Intensity Modulated Radiation Therapy* (IMRT). Terdapat 41 mesin *linear accelerator* dan mesin *brachytherapy* di 19 pusat radioterapi kerajaan dan swasta dan teknik IMRT digunakan di 9 pusat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Daripada kajian yang telah dilakukan *survival rate* 5-tahun bagi barah payudara dan barah rahim adalah dalam lingkungan 80 % bagi barah yang telah dikesan pada peringkat awal.

**NO. SOALAN: 3<sup>^</sup>**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                    **LISAN**

**DARIPADA**                    **YB DATUK DR TEKHEE @ TIKI**

**ANAKLAFE [ MAS GADING ]**

**TARIKH**                        **23 MAC 2010**

**SOALAN**

**Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [ Mas Gading ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan boleh meningkatkan kredibiliti Kerajaan Barisan Nasional pada pandangan / persepsi masyarakat umum. Perkara ini amat penting agar masyarakat tidak pandang serong terhadap setiap tindakan Kerajaan, walaupun niat Kerajaan itu murni.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ**

## **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Dalam ucapan YAB Perdana Menteri di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesebelas (MAPPA XI) pada 9 Mac 2010 yang lalu telah menekankan dua prinsip penting pentadbiran Kerajaan iaitu Pertamanya, beliau mahukan kehidupan rakyat hari ini lebih baik daripada hari semalam dan kehidupan mereka pada masa depan akan lebih baik lagi daripada hari ini. Ke arah matlamat tersebut, kerajaan perlu terus mengkhidmati rakyat dengan memakmurkan kehidupan serta memelihara kebajikan mereka.

Keduanya pula, adalah untuk menggerakkan ekonomi negara dan meletakkannya kembali atas landasan pertumbuhan yang sihat serta mapan. Matlamat ini telah menemui kejayaan awal yang memberangsangkan apabila kesan dua pakej stimulus fiskal telah mengembalikan pertumbuhan ekonomi negara kepada daerah positif, bermula suku ke-4 tahun 2009 daripada penguncupan tiga suku berturut-turut sebelumnya.

Meniti di atas dua prinsip yang dinyatakan itu, sebagai satu



pentadbiran bersifat objektif, jelas dan berhalatuju, kerajaan telah menukulkan 4 Tiang Utama: Pertama, satu falsafah induk sebagai panduan yang bersifat merentas dasar serta pelaksanaan yakni IMalaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan; Kedua, satu prakarsa teras peranan kerajaan yakni Program Transformasi Kerajaan dan dua inisiatif ekonomi bagi memeta hala tuju jangka panjang, sederhana juga jangka pendek negara yakni Model Baru Ekonomi serta Rancangan Malaysia ke-10.

Bagi menyokong, empat tiang utama yang telah dinyatakan, perlu didokong pula oleh empat nilai asas pelengkap; Pertama: Membudayakan Kreativiti dan Inovasi. Kedua Mementingkan Kepantasan bertindak dan membuat keputusan. Ketiga : Nilai untuk Wang atau “Value for money”. Dalam aspek ini, pembaziran, penyelewengan dan gejala salah urus hendaklah dihapuskan daripada pengurusan kewangan awam. Keempat: Nilai Integriti.

Kesimpulannya, empat tiang utama dan empat nilai asas sebagai pelengkap ini merupakan lapan tonggak perdana pentadbiran Kerajaan. Setiap satu saling melengkapi antara satu sama lain.

Pelaksanaan lapan nilai ini akan dapat meningkatkan lagi kredibiliti Kerajaan Barisan Nasional pada pandangan masyarakat keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**XAi: 40**

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA YB. CHARLES ANTHONY *A/L* R. SANTIAGO**

**KLANG**

**KAWASAN**

**23.03.2010 (SELASA)**

**TARIKH NO.**

**40**

**SOALAN**

**YB. CHARLES ANTHONY *A/L* R. SANTIAGO**

**minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN  
INDUSTRI menyatakan adakah Kerajaan membuat  
analisa cost-benefit termasuk impak assessment  
ekonomi dan sosial sebelum menandatangani perjanjian  
India-ASEAN FTA dan China-ASEAN FTA. Adakah  
Kerajaan bercadang untuk declassify laporan berkenaan  
demi kepentingan  
semua.**

JAWAPAN  
**Tuan Yang Di Pertua,**

**Kerajaan sentiasa menjalankan kajian kemungkinan atau *feasibility studies*, dengan izin, dan mengadakan konsultasi dengan, dengan izin, dari kedua-dua sektor awam dan swasta sebelum memulakan rundingan perjanjian perdagangan bebas atau FTA dengan mana- mana rakan dagang, secara dua hala mahupun serantau. Kajian kemungkinan tersebut merangkumi analisa kos dan faedah (atau *cost-benefit analysis*, dengan izin) yang mengkaji secara komprehensif impak positif dan negatif setiap cadangan perjanjian FTA terhadap perkembangan ekonomi, perdagangan, pelaburan dan seterusnya sosial di Malaysia. Ini termasuklah juga, program kerjasama bina upaya atau *capacity building*, dengan izin, bersama rakan dagang FTA terutamanya dalam bidang ekonomi dan teknologi.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Laporan kajian kemungkinan atau analisa kos-faedah**

**perjanjian ASEAN-China FTA yang bertajuk “Forging Closer ASEAN-China Economic Relations in the Twenty-First Century” boleh diakses melalui laman web Sekretariat ASEAN di alamat [www.aseansec.org](http://www.aseansec.org). Untuk makluman juga, laporan tersebut telah dihasilkan pada Oktober 2001 oleh ASEAN-China Expert Group on Economic Cooperation yang terdiri daripada wakil negara-negara ASEAN dan China, di mana konsultasi bersama stakeholders, dengan izin, telah diadakan bagi mendapatkan input dan maklum balas mereka terhadap cadangan Perjanjian ASEAN-China FTA.**

**Bagi ASEAN-India FTA pula, proses ini dilakukan melalui sebuah Jawatankuasa Kajian Bersama atau (*Joint Study Group* atau JSG, dengan izin,) yang ditubuhkan di bawah Sekretariat ASEAN dan Kerajaan India. Hasil laporan kajian JSG tersebut yang bertajuk “A Joint Study on AFTA-India Linkages for the Enhancement of Trade and**

*Investment\** telah dibincangkan semasa Konsultasi Pertama Menteri- Menteri Ekonomi ASEAN-India pada 15 September 2002 di Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, prosedur *declassify* dokumen laporan ini memerlukan persetujuan bersama kesemua negara-negara ASEAN dan India. Memandangkan rundingan ASEAN-India FTA bagi sektor perkhidmatan dan pelaburan masih berjalan, perkara ini perlu diketengahkan semasa mesyuarat bersama India dan negara-negara ASEAN yang lain untuk dipertimbangkan.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL  
KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>YB Datuk Azalina Othman Said (Pengerang)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>23.3.2010</b>
<b>SOALAN</b>	<b>41</b>

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan mengenai FELCRA berhubung pengagihan pendapatan semasa yang dilihat tidak begitu konsisten kerana adakalanya dibuat secara terkumpul berbanding kaedah yang digunapakai oleh FELDA yang membayar pada bulan berikutnya. Masalah ini dilihat semakin buruk apabila pihak pengurusan FELCRA di kawasan gagal untuk memberikan penerangan yang meyakinkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terdapat dua (2) kaedah agihan dividen yang diamalkan oleh FELCRA Berhad pada masa ini berdasarkan kepada status tanah yang dibangunkan iaitu sama ada berstatus tanah terbiar atau tanah milik Kerajaan Negeri.

Bagi projek yang dibangunkan di atas tanah terbiar, agihan dividen sehingga tahun 2007 dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun iaitu sebelum sambutan Hari Raya Aidil Fitri dan sesi persekolahan tahun baru dibuka.

Manakala, bermula tahun 2008, agihan tahunan dilaksanakan sebanyak empat (4) kali iaitu pada bulan Mac, Jun, September dan Disember. Bayaran secara berperingkat oleh FELCRA Berhad adalah disebabkan pegangan keluasan tanah peserta yang kecil dan tidak sekata (kurang daripada satu (1) ekar hingga seluas-luasnya) menyebabkan agihan secara bulanan adalah tidak praktikal untuk diamalkan kerana jumlah pendapatan bulanan yang pelbagai.

Bagi projek yang dilaksanakan di atas tanah milik Kerajaan Negeri, amalan pengagihan dividen dilaksanakan berdasarkan keluasan projek. Bagi projek berkeluasan minimum 500 ekar, agihan pendapatan peserta secara bulanan telah pun diamalkan mengikut keupayaan dan lebihan pendapatan projek masing-masing. Bagi projek yang mempunyai keluasan kurang daripada itu, agihan pendapatan peserta adalah dilaksanakan secara berperingkat iaitu dua

(2) kali setahun sehingga tahun 2007 dan empat (4) kali setahun bermula tahun 2008, sama seperti projek yang dibangunkan di atas tanah terbiar. Luas pegangan tanah bagi setiap peserta pula adalah bergantung kepada Kerajaan Negeri iaitu di antara empat (4) hingga 10 ekar seorang. Oleh yang demikian, penetapan mekanisme agihan pendapatan secara bulanan atau berperingkat adalah bergantung kepada keluasan projek dan jumlah peserta projek yang bergantung kepada faktor pegangan tanah per peserta oleh Kerajaan Negeri.

Ini berbeza dengan kadar dan mekanisme agihan yang dilaksanakan oleh FELDA mensyaratkan pegangan tanah yang luas dan sama rata iaitu 10 ekar setiap seorang memberikan mereka pulangan pendapatan bulanan yang lebih tinggi.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebelum agihan dividen bagi setiap projek dilaksanakan, FELCRA Berhad akan membentangkan Laporan Penyata Untung Rugi Projek kepada Jawatankuasa Kemajuan Projek (JKKP). Anggota-anggota JKKP adalah juga merupakan peserta projek yang dilantik oleh lain-lain peserta sebagai Ahli Jawatankuasa berkenaan. Sejurus



pembentangan dilaksanakan, adalah menjadi tanggungjawab JKKP untuk memaklumkan kepada lain-lain peserta kemajuan projek mereka termasuk faktor-faktor pengurangan dan peningkatan dividen yang diagihkan.

**NO. SOALAN : 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA YB TUAN SAIFUDDIN NASUTION**

**ISMAIL**

**[MACHANG]**

**TARIKH 23 MAC 2010**

**SOALAN**

**Tuan Saifuddin Nasution Ismail [ Machang ] minta **PERDANA****

**MENTERI** menyatakan terma elaun dan kemudahan yang diterima:

- a) Y.Bhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi atas jawatan Penasihat Pembangunan Koridor Utara, Penasihat IKIM dan Penasihat MAS; dan
- b) Y.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamed atas jawatan

Pengerusi Petronas.

**JAWAPAN: YB DATO'SERI MOHAMEDNAZRIABDULAZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-pertua,

a) Justifikasi utama perlantikan Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai penasihat pembangunan koridor adalah untuk memastikan kesinambungan inisiatif koridor pembangunan yang dicetuskan oleh beliau dapat diteruskan selaras dengan hasrat murni beliau untuk memastikan projek-projek pembangunan koridor wilayah dapat merapatkan lagi jurang di antara masyarakat Bandar dan luar Bandar di Negara ini. Konsep koridor pembangunan yang dilancarkan adalah berasaskan kepada kesedaran pembangunan boleh dilaksana dalam satu pendekatan yang terancang jika semua sumber dan potensi negeri-negeri yang terlibat disatukan. Inisiatif Tun Abdullah ini akan memaju pembangunan sosioekonomi Negara serta memperkukuhkan keharmonian kaum di kalangan rakyat. Idea beliau telah melahirkan satu semangat baru membangunkan Negara melalui pendekatan secara wilayah untuk membawa Negara ke satu tahap yang lebih tinggi.

Berdasarkan sebab-sebab ini, maka Kerajaan mengambil keputusan untuk melantik beliau sebagai Penasihat Pembangunan Wilayah

Ekonomi bagi meneruskan idea-idea dan hasrat pembangunan yang beliau lahirkan apabila memperkenalkan inisiatif koridor pembangunan ini.

Dalam hal ini, sebagai penasihat, beliau akan dibayar elaun bulanan sebanyak RM10,000.00 serta kemudahan-kemudahan lain seperti elaun hotel, perjalanan dan sebagainya semasa menjalankan tugas-tugas rasminya. Kemudahan-kemudahan ini adalah tertakluk kepada kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam Ketentuan Elaun Dan Keistimewaan-Keistimewaan Bagi Bekas Perdana Menteri seperti dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan), 1980 (AKTA237).

Manakala sebagai Pengerusi Lembaga Pengarash IKIM pula bayaran elaun yang diterima oleh Y.Bhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi adalah sebanyak RM2,000.00 sebulan.

b) Y.Bhg. Tun Mahathir Mohamad dibayar elaun sebanyak RM15,000.00 sebulan diatas kapasiti sebagai Penasihat PETRONAS. Beliau juga menerima kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh PETRONAS

seperti ruang pejabat, bilik mesyuarat dan kemudahan logistik yang lain.

Sekian, Terima kasih.

Soalan No : 43

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                      LISAN

DARIPADA                      Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN  
   BUMBURING @ WILFRED  
   (TUARAN)

TARIKH                              23.03.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED [ TUARAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perkembangan terkini pembinaan Sekolah Pembinaan Sekolah Menengah Pekan Nabalu Tuaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pembinaan Sekolah Menengah Pekan Nabalu, Tuaran adalah di peringkat urusan tender. Iklan telah dikeluarkan pada 14 Januari 2010 dan pembinaannya di jangka bermula pada pertengahan tahun 2010.

Rjm33

**NO. SOALAN : 44**

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' JOHARIBIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH 23 MAC 2010**

**SOALAN :**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) Apakah status penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD); dan
- b) Jika benar telah ditubuhkan, siapakah yang menjadi ahli-ahli Suruhanjaya ini. Kalau belum ditubuhkan apakah sebabnya Kerajaan mengambil masa yang terlalu lama untuk penubuhannya.

**JAWAPAN :**

- a) Cadangan penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) melibatkan 2 Rang Undang-Undang iaitu Rang Undang-Undang SPAD (mengenai penubuhan Suruhanjaya) dan Rang

Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat (PAD) yang memperuntukkan pelaksanaan dasar-dasar untuk merancang, pengawalseliaan dan penguatkuasaan ke atas aktiviti-aktiviti pengangkutan awam darat yang dijangka dibentangkan pada persidangan Parlimen ini.

b) Ahli-ahli Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan terdiri daripada wakil sektor awam (agensi-agensi Kerajaan) dan juga sektor swasta bagi memberi panduan untuk mentadbirurus mengenai perkara-perkara dasar dan operasi Suruhanjaya di samping menyediakan perakuan-perakuan terhadap cadangan-cadangan dan inisiatif-inisiatif bagi memperkasakan pengangkutan awam darat. Tiga (3) hingga lima (5) wakil-wakil daripada sektor swasta yang terlibat dalam industri pengangkutan awam akan juga dilantik.

Soalan No: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, PARLIMEN

DARIPADA : TUAN HAJITAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN  
(PASIR SALAK)  
PERTANYAAN : MULUT  
TARIKH : 23.03.2010  
SOALAN NO : 45

Tuan Haji Tajuddin bin Abdul Rahman ( Pasir Salak ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan

(a) Kerajaan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) seperti Petronas,

Khazanah, Sime Darby dan lain-lain menunaikan tanggungjawab membantu membangunkan masyarakat peniaga Bumiputera; dan

- (b) bolehkah pengurusan GLCs ini juga dikenakan KRA dan KPI bagi memastikan pencapaian matlamat di atas dalam tempoh yang ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), terutamanya yang dikuasai Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) memainkan peranan besar dalam pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), khususnya sejak pengenalan Program Transformasi GLC (GLCT) pada Mei 2004. Program GLCT antara lainnya menetapkan sasaran untuk menjadikan GLC-GLC sebagai entiti berprestasi tinggi - bukan sahaja untuk memenuhi keperluan pembangunan negara, tetapi juga pembangunan bangsa.

- (a) Antara usaha GLC ke arah pembangunan MPPB adalah melalui penetapan polisi perolehan yang kondusif serta melaksanakan program-program pembangunan vendor yang khusus bagi meningkatkan kemampuan syarikat kecil milik Bumiputera serta menggalakkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi. Sehingga 2008, lebih daripada 20,000 pembekal tempatan termasuk pembekal Bumiputera yang berurusan dengan GLC. Berikut adalah antara beberapa kejayaan GLC terpilih di bawah Khazanah dalam menyokong serta membangunkan MPPB sepanjang tahun 2008:



- i. Pemerolehan daripada vendor/usahawan Bumiputera
  - O Daripada RM2.48 bilion yang dibelanjakan oleh Telekom Malaysia Bhd (TM) untuk pemerolehan pada 2008, RM1.29 bilion atau 52.3% adalah untuk usahawan atau vendor Bumiputera.
  - O Daripada RM1.98 bilion yang dibelanjakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk pemerolehan pada 2008, RM1.33 bil atau 67% adalah untuk usahawan atau vendor Bumiputera.
- ii. Membangunkan keupayaan vendor/usahawan Bumiputera Antara inisiatif yang mungkin dapat dipertingkatkan oleh GLC- GLC untuk membangunkan usahawan Bumiputera adalah memperluaskan pelaksanaan Program Pembangunan Vendor (VDP) oleh lebih banyak GLC. Pada masa yang sama, golongan usahawan harus mengutamakan kecekapan serta meningkatkan keupayaan bagi membolehkan usahawan Bumiputera berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada Kerajaan atau GLC.
  - O Sehingga 2008, TNB berjaya melahirkan seramai 56 graduan di bawah VDP kelolaannya.

- b) Dalam memastikan kejayaan usaha ini, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) GLC-GLC di bawah Program Transformasi GLC (GLCT) turut mengambil kira dan menekankan supaya inisiatif GLC-GLC membangunkan agenda usahawan Bumiputera sebagai salah satu pengukur kejayaan GLC-GLC berkenaan.

Di samping itu, PETRONAS juga telah melaksanakan VDP PETRONAS dalam usaha untuk mengalakkan penglibatan usahawan serta daripada strategi bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian khususnya industri minyak dan gas. Melalui VDP

PETRONAS, usahawan Bumiputera dapat mempertingkatkan tahap kemampuan dan kemahiran di dalam bidang pembuatan produk dan perkhidmatan berteknologi sederhana serta tinggi bagi menyokong pelbagai aktiviti dalam sektor hulu dan hilir PETRONAS.

*SULIT*

**NO SOALAN : 46**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

	<b>LISAN</b>
<b>PERTANYAAN :</b>	<b>Y.B TUAN NGA KOR</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>MING (TAIPING)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>23.03.2010</b> <b>(ISNIN)</b>

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh Kerajaan akibat kebakaran kapal perang INDERAPURA di TLDM pada tahun 2009 serta tindakan yang telah diambil untuk mencegah**

*SULIT*

**kejadian sedemikian.**

*SULIT*

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**KD SRI INDERAPURA telah dibina pada tahun 1970 dan kini berusia 39 tahun. Kapal ini telah digunakan oleh Tentera Laut Amerika Syarikat dengan nama USS SPARTANBURG COUNTY. Kapal ini telah dibeli oleh Kerajaan Malaysia dengan nilai harga RM59 juta dan telah ditauliahkan ke dalam perkhidmatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada 31 Januari 1995.**

**Nilai kerugian keseluruhan adalah dianggarkan berjumlah RM77.8 juta. Jumlah ini termasuk kos bagi minyak diesel dan pelincir yang terbakar serta barangan logistik yang turut musnah.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Mengambil iktibar dari kejadian ini, TLDM telah mengambil tindakan-tindakan berikut:**

- a. Melakukan pemeriksaan fizikal secara berjadual kepada pendawaiaan elektrik di kapal-kapal TLDM, terutama ke atas kapal-**

SULIT

**kapal yang telah berusia.**

- b. Mempertingkatkan latihan dan kecekapan anggota-anggota yang ditugaskan sebagai Tim Kawalan dan Kebakaran (*Damage Control and Fire Fighting*) di pusat-pusat latihan dan kapal-kapal TLDM.**
  
- c. Markas-markas Formasi telah diarahkan untuk menjalankan pemeriksaan berjadual dan mengejut dengan lebih kerap ke atas kapal-kapal TLDM bagi menilai tahap operasi peralatan serta kecekapan anggota melawan kebakaran dari semasa ke semasa.**

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MASIR ANAK KUJAT

(SRI AMAN)

TARIKH : 23 MAC 2010

SOALAN : 47

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah rancangan bagi pembekalan elektrik luar Bandar di kawasan Parlimen Sri Aman dalam RMK-10.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMK-10), peruntukan berjumlah RM2.26 bilion dipohon khusus untuk melaksanakan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar di negeri Sarawak. Daripada peruntukan ini, sejumlah RM1.75 bilion adalah untuk melaksanakan projek yang telah disenaraikan di bawah '*National Key Result Area*' (NKRA).

Khusus bagi Parlimen Sri Aman, 20 projek dengan kos berjumlah RM60.44 meliputi 1,936 buah rumah sedang dilaksanakan di bawah NKRA. Selain itu, permohonan bagi 195 projek meliputi 6,914 buah rumah bernilai RM136.34 juta telah disenarai untuk dipertimbangkan pelaksanaannya dalam tahun 2011-2012.

NO.AUM : 28

NO. AUP : 1^2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTA JAM ]

TARIKH 23 MAC 2010

RUJUKAN                      2377

SOALAN:

Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan peruntukan mengikut tahun 1999-2009 bagi program pemulihan dadah, nyatakan statistik penagih yang mengikuti program, kos setiap orang dan kadar pemulihan.  
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya, penagih-penagih dadah yang ditahan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) bagi tahun 2009 adalah seramai 6,938 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 5,485 orang adalah Melayu, 650 orang adalah Cina, 581 orang adalah India, 191 orang adalah Pribumi Sabah dan Sarawak dan seramai 31 penagih adalah lain-lain bangsa.



Kos perbelanjaan keseluruhan yang ditanggung oleh kerajaan pada tahun 2009 untuk rawatan dan pemulihan di PUSPEN ialah sebanyak RM89,732,900.00, manakala kos perbelanjaan bagi setiap penghuni yang menjalani rawatan dan pemulihan di PUSPEN ialah sebanyak RM19.77 sehari. Kos ini merangkumi perbelanjaan makan dan minum penghuni serta perkhidmatan dan bekalan. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar pemulihan yang tercapai adalah di antara 30% - 50% di kalangan penagih dadah.

**NO.AUM : 55 NO. AUP**

**: tyd)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**

**[ PAYA BESAR ]**

**TARIKH 23 MAC 2010**

**RUJUKAN 2381**

**SOALAN:**

**Dato<sup>1</sup> Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah ciri-ciri keselamatan pada Mykad hari ini ditahap yang terbaik atau ianya mudah diciplak untuk membuat Mykad palsu serta bilangan Mykad palsu yang berjaya ditangkap setakat ini.



Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat Paya Besar yang mengemukakan pertanyaan.

Ciri-ciri keselamatan MyKad hari ini adalah di tahap yang terbaik dan tidak boleh diciplak untuk membuat MyKad palsu. Antara penambahbaikan MyKad yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri adalah seperti berikut:

1. Penggunaan MyKad Struktur Baru 100% Poly Carbonate (PC) bermula 13 Mei 2009 yang mengandungi lapisan *laminated* anti-tanggal bagi mengatasi masalah kualiti MyKad yang mudah terkopak dan mencegah pemalsuan MyKad.
2. Makmal "*Incoming Quality Check*" di Pusat Pengeluaran Kad, Jabatan Pendaftaran Negara yang bertujuan menguji dan mengesan kualiti kad mentah dari pembekal bagi memastikan menepati piawaian *smartcard* secara *real time*.

Selain dari itu, Jabatan Pendaftaran Negara sedar banyak pihak yang sedang berusaha untuk meniplak bagi membuat MyKad palsu, dengan sebab itu JPN sentiasa membuat penambahbaikan yang berterusan bagi menghalang orang-orang yang tidak bertanggungjawab dalam usaha untuk meniplak dan memalsukan MyKad. Antara perkara-perkara yang sedang djrancang untuk penambahbaikan adalah seperti berikut:

1. Menggunakan teknologi *Optical Variable Devices (kin patch)* di mana permukaan hologram yang menyerlah membolehkan kad yang diubahpinda lebih mudah dikesan.
2. Menggunakan *Invisible Personalised Information (IPI) / Invisible Constant Image (ICI)* bagi menyimpan maklumat tersembunyi (*hidden information*) pemilik kad yang hanya boleh dilihat di bawah kanta khas.
3. Menggunakan imej *Ultra Violet (UV)* di atas permukaan kad yang menggunakan teknologi percetakan terbaik dan tidak boleh ditiru.
4. Lindungan Laminasi Ultra "*temper evident*" pada gambar potret yang mudah terkoyak apabila cuba dikopek bagi tujuan pemalsuan.
5. Menggunakan turisan Laser pada gambar dan microtext MyKad agar cetakan tidak mudah tertanggal dan di ubahpinda.

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan MyKad palsu yang berjaya dikesan dan diambil tindakan undang-undang di bawah Peraturan 25(1 )(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 dari tahun 2004 sehingga tahun 2009 ialah 890 kes.

SOALAN NO : 50

	<p style="text-align: center;"><u>PARLIMEN MALAYSIA</u> <u>PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u> LISAN</p>
PERTANYAAN:	
DARIPADA	TUAN MOHD. FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)
TARIKH	23 MAC 2010 (SELASA)
SOALAN	Tuan Mohd Firdaus Bin Jaafar minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah keseluruhan rumah penyembelihan babi yang diluluskan mengikut negeri dan senaraikan permohonan yang masih dalam proses kelulusan.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini sebanyak 9 rumah penyembelihan babi telah diluluskan yang terdiri daripada:

- i) 5 buah di bawah kendalian Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) iaitu di Ipoh dan Taiping (Perak), Kuantan (Pahang), Air Keroh (Melaka) dan Kempas (Johor);
- ii) 3 buah di bawah kendalian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu di bawah Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Prai, Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Muar, Johor; dan
- iii) 1 buah dikendalikan oleh pihak swasta yang diberi lesen untuk beroperasi iaitu Tip Top Meat Sdn.Bhd., Rawang, Selangor.

Manakala permohonan yang masih dalam proses kelulusan JPV bagi pengoperasian rumah penyembelihan babi adalah:

- i) rumah penyembelihan persendirian di Kangar, Perlis. Permohonan ini masih belum diluluskan kerana tidak memenuhi piawaian dan kriteria yang ditetapkan; dan
- ii) rumah penyembelihan swasta di Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan. Permohonan ini belum diluluskan kerana *Pig Farming Area* (PFA) masih belum dibangunkan.





**SOALAN NO: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 23 MAR 2010

SOALAN:

Y.B. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah tujuan mengambil pekerja asing seramai 100 ribu untuk lima bulan ini dan kesannya terhadap pekerja tempatan.

PR-1231-L35973

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan daripada ekonomi yang semakin pulih, kebanyakan industri terutama yang berorientasikan eksport telah mengalami peningkatan dari segi permintaan. Fenomena ini menyebabkan syarikat memerlukan pekerja-pekerja yang ramai di mana ianya tidak dapat ditampung oleh pekerja tempatan. Kerajaan telah menerima tekanan daripada para majikan yang begitu mendesak untuk mendapatkan pekerja, sehingga akhirnya Kerajaan telah memberi pertimbangan kepada permohonan pekerja asing oleh majikan di sektor perkilangan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Oktober 2009 untuk menimbang dan memberi kebenaran kepada pihak industri memohon pekerja asing.

Permohonan ini dipertimbangkan kepada 5 sub sektor perkilangan iaitu elektrik dan elektronik, plastik, perabot, tekstil, dan sarung tangan getah. Keputusan ini dibuat berdasarkan kepada keperluan semasa majikan di sektor ini yang mengalami peningkatan permintaan dan kesukaran mendapatkan pekerja tempatan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan sentiasa perihatin dan memastikan pengambilan pekerja asing bersifat sementara serta tidak menjejaskan peluang pekerja tempatan yang sedia ada. Kelulusan hanya diberi setelah pertimbangan sewajarnya dibuat oleh jawatankuasa khas yang bertanggungjawab menilai dan meneliti setiap permohonan yang dikemukakan dengan memastikan majikan yang benar-benar layak dan amat memerlukan pekerja akan diberi pertimbangan.

Majikan yang memohon juga perlu mengemukakan pelan jangka panjang/jangka pendek iaitu sebagai strategi syarikat untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan langkah-langkah syarikat untuk menarik lebih ramai rakyat tempatan bekerja dengan majikan berkenaan. Pemantauan akan dilakukan terhadap majikan berkenaan dari masa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan strategi yang dikemukakan dilaksanakan.

Kelulusan tidak akan diberikan kepada majikan yang tiada langsung menggajikan pekerja tempatan dan melakukan diskriminasi upah bagi jawatan asas. Kebajikan pekerja tempatan sedia ada perlu diutamakan, dimana kegagalan majikan mendapatkan pekerja bagi memenuhi keperluan yang mendesak akan menyebabkan penutupan dan pemindahan operasi yang mana turut memberi kesan kepada rakyat tempatan yang berkerja samada bagi jawatan asas mahupun pentadbiran.

Untuk langkah jangka panjang, Kerajaan telah mewujudkan makmal (*lab*) khusus untuk membincangkan secara terperinci pendekatan holistik Kerajaan dalam menangani keperluan gunatenaga di negara ini. Hasil daripada *lab* tersebut, adalah diharapkan Kerajaan akan dapat menentukan keperluan sebenar gunatenaga asing dan mengenalpasti sektor-sektor yang memerlukan pekerja asing.

NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**        **LISAN**

**DARIPADA**            **TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI**

**[GOMBAK]**

**TARIKH**                **23 MAC 2010 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dana yang telah disalurkan oleh Kerajaan kepada Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA sejak dilancarkan dan nyatakan kos operasi bagi setiap kanak-kanak (operational cost per child) yang menjalani program PERMATA. Apakah rasional program ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**Y.B. DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA dilancarkan pada tahun 2007, sebanyak RM 20 juta telah disediakan sebagai peruntukan permulaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan bagi membiayai kos penubuhan 14 Pusat Anak PERMATA Negara secara projek perintis di setiap negeri di seluruh negara. Ini merangkumi kos pembangunan kurikulum, penyediaan latihan tenaga pendidik dan melaksanakan program PERMATA Pintar.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi I, sebanyak RM 150 juta telah diperuntukkan bagi tujuan memperluaskan Program PERMATA ke seluruh negara. Peruntukan yang dibelanjakan sebanyak RM 130,680,000.00 bagi memperluaskan Program PERMATA ke hampir 457 buah TASKA kelolaan Kerajaan di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), TASKA Komuniti dan TASKA Tempat Kerja di agensi Kerajaan. Perluasan ini memberikan peluang kepada seramai 17,565 kanak-kanak di bawah umur 4 tahun untuk mengikuti proses pembelajaran Kurikulum PERMATA. Pada tahun 2010, Program PERMATA telah diperuntukkan sebanyak RM 100 juta bagi

memperkasakan pelaksanaannya dengan sasaran perluasan sebanyak 210 buah TASKA. Di samping itu, Program PERMATA akan turut melaksanakan Program PERMATA Pintar, PERMATA Seni, PERMATA Insan dan PERKASA Remaja.

Kos operasi bagi setiap kanak-kanak (*operational cost per child*) di Pusat PERMATA adalah sebanyak RM 794.00 bagi tempoh satu bulan. Kos ini meliputi emolumen dan elaun Pendidik PERMATA dan pembantu pengurusan kanak-kanak di Pusat PERMATA, bil-bil utiliti, kontrak perkhidmatan seperti keselamatan, pembersihan, bekalan makanan bermasak dan bekalan peralatan pembelajaran.

Pelaksanaan Program PERMATA pada masa ini adalah bertaraf Projek Perintis dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi tujuan pelaksanaan dalam tempoh rintis sahaja sebelum diserahkan kepada Kementerian Pelajaran. Penubuhan pusat asuhan dan didikan awal kanak-kanak adalah tertakluk di bawah 2 akta yang dikendalikan oleh 2 kementerian yang berasingan iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Penetapan agensi yang akan mengambilalih Program PERMATA adalah berasaskan aspek perundangan, prinsip bidang tugas, amalan sedia ada dan kesediaan agensi. Kurikulum PERMATA menggabungkan 2 aspek iaitu asuhan dan didikan awal kanak-kanak. Walaupun aspek pengasuhan adalah suatu komponen dalam kurikulum ini, namun fokus utama kurikulum adalah berhubung dengan pendidikan yang merupakan perkara spesifik di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran

manakala komponen

pengasuhan adalah perkara umum di bawah tanggungjawab  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. NO SOALAN : 33  
Berdasarkan bahawa tanggungjawab spesifik mengatasi tanggungjawab  
umum, oleh yang demikian Program PERMATA telah dipersetujui untuk  
diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN  
DARIPADA

**LISAN  
TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK**

TARIKH

**23 MAC 2010**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sikap kontraktor-kontraktor bagi Agensi FELDA dan Felcra yang didapati amat tidak bertanggungjawab apabila menjadi pengguna utama Pendatang Tanpa Izin (PATI) di negara ini sebagai buruh kerja kontrak mereka. PATI ini menjadi agen pembawa penyakit berjangkit seperti malaria, chikungunya dan sebagainya. Mengapa hal ini berlaku dan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasinya.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN  
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1990-an FELDA telah menggunakan khidmat buruh asing bagi menggantikan tenaga buruh peneroka yang sedia ada. Ini disebabkan keadaan peneroka pada masa kini yang sudah berusia dan tidak berupaya untuk mengerjakan kebun dengan sendiri selain keadaan pokok sawit yang telah tinggi dan



NO SOALAN : 53

menyukarkan mereka melaksanakan kerja seperti menuai, menoreh, kerja-kerja am dan sebagainya. Kerajaan telah memilih untuk menggunakan khidmat tenaga buruh asing daripada negara jiran seperti Indonesia, Bangladesh, Thailand dan Filipina. Fokus diberikan kepada negara-negara yang berhampiran dengan Malaysia bagi memudahkan pengangkutan selain kadar upah yang murah sekaligus dapat menjimatkan kos upah pekerja. Justeru itu pekerja asing yang dibawa masuk ke Malaysia dan bekerja di ladang-ladang Kumpulan FELDA diambil secara rasmi setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia. Kesemua pekerja asing yang digaji oleh FELDA mempunyai permit kerja yang sah sepanjang tempoh kontrak perkhidmatan dengan FELDA dan FELDA tidak menggaji pekerja yang diambil secara haram (PATI).

Sehingga Disember 2009, FELDA mempunyai sejumlah 36,339 tenaga buruh asing yang berdaftar terdiri daripada Indonesia seramai 25,320 orang, Bangladesh (10,564 orang), Thailand (192 orang) dan Filipina (263 orang).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap pekerja yang dibawa masuk dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan FOMEMA untuk mengesahkan mereka benar-benar sihat, tidak berpenyakit dan sesuai untuk bekerja sebagai pekerja ladang di ladang-ladang Kumpulan FELDA. Bagi pekerja yang disahkan gagal dalam pemeriksaan Kesihatan (FOMEMA) mereka akan dihantar pulang ke negara asal secara rasmi. Pihak FELDA sentiasa mengadakan pemantauan terhadap kesihatan tenaga buruh asing ini di mana setiap rancangan mempunyai sebuah klinik

No. SOALAN: 54

kesihatan yang membolehkan mereka mendapatkan rawatan selain klinik- klinik swasta yang berhampiran. Bagi ladang-ladang yang tidak menempatkan peneroka, mereka boleh menggunakan khidmat klinik kesihatan di rancangan yang berdekatan dengan ladang mereka.

Sepanjang tahun 2009 seramai 180 orang pekerja asing telah dihantar pulang ke negara asal setelah disahkan gagal dalam pemeriksaan kesihatan terdiri dari 99 orang Tenaga Kerja Bangladesh dan 81 orang pekerja Indonesia.

oooooooooooooooooooo

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

### RAKYAT PERTANAYANLISAN

DARIPADA YB TUAN AZAN BIN  
ISMAIL (INDERA  
MAHKOTA)  
TARIKH 23 MAC 2010

### SOALAN

YB Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]  
minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana GTP (*Government Transformation Plan*) akan dilaksanakan serta sejauh manakah ianya akan melengkapkan dasar-dasar Kerajaan yang terdahulu yang masih belum terlaksana.

### JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)

Seperti yang sedia maklum, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan atau *Performance Management and Delivery Unit* (PEMANDU) merupakan jentera baru yang diwujudkan untuk melaksanakan Program Transformasi Kerajaan (PTK) atau *Government Transformation Programme* (GTP) supaya membawa hasil dan keberkesanan (*results*) yang lebih berfaedah dan bermakna lagi untuk memanfaatkan rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran.

GTP adalah bertujuan untuk menyokong dan merealisasikan Wawasan Negara, Misi Nasional dan dasar-dasar kerajaan yang terdahulu dalam pelbagai bidang. Ianya bukanlah untuk menggantikan asas-asas Wawasan Negara, bertujuan untuk menambahbaik dan melengkapkannya supaya mendatangkan hasil dan impak secara lebih positif dan berkesan.

Sememangnya, GTP meletakkan asas untuk kaedah pengurusan prestasi untuk meningkatkan lagi pelaksanaan dasar-dasar dan program-program kerajaan supaya lebih berfokus dan bertumpuan kepada aspirasi dan ekspektasi, keperluan dan kehendak rakyat supaya layanan dan kesan yang lebih adil dan telus dapat diberi kepada semua dengan mengambilkira realiti ekonomi dan masyarakat yang sediaada. Ianya menggunakan kaedah pengurusan prestasi yang didapati sangat berkesan dalam sektor korporat, iaitu kaedah makmal atau *lab* yang berlandaskan kepada kaedah *Key Performance Index* (KPI).

Walaupun bagaimanapun, kaedah makmal yang lebih terbuka dapat mengalakkan para penggubal dan pelaksana dasar dan program untuk berkongsi fikiran, pandangan dan pengalaman dengan memecahkan tembok dan '*silo*', serta untuk 'berfikir di luar kotak' (*think outside the box*). Oleh itu, GTP telah dapat mencadangkan dan mendatangkan pendekatan-pendekatan yang baru dan inovatif terhadap dasar-dasar dan program-program yang sediaada.

No. SOALAN: 54

Adalah didapati bahawa, selepas pelaksanaan hampir 6 bulan sejak bulan Oktober 2009, GTP telah mulai menunjukkan hasil-hasil dan kesan-kesan yang positif, khasnya dalam enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara

(atau NKRA). Sebagai contoh, dalam NKRA untuk memerangi jenayah, lebih ramai anggota polis telah dimobilisasi untuk rondaan, disokong oleh lebih 3000 anggota RELA dan JPAM yang telah dilatih. Banyak pondok dan khemah polis telah diwujudkan, banyak CCTV telah dipasang dan diselaraskan dengan yang sedia ada. Hasilnya, kadar jenayah jalanan (*street crimes*) telah menurun sebanyak 7.6% dalam suku tahun terakhir (Oktober- Disember 2009) berbanding dengan suku tahun kedua (April-Jun 2009).

Di bawah NKRA prasarana luar bandar, antara pencapaian yang telah dihasilkan ialah pembinaan 257 kilometer jalan luar bandar dan pelaksanaan bekalan elektrik dan air bagi hampir 50,000 isi rumah di Sabah dan Sarawak.

Oleh itu, GTP memang merupakan pelan halatuju atau *roadmap* yang realistik dan pragmatik. Melalui kerjasama dan sokongan dari semua pihak, adalah dijangka GTP akan menghasilkan transformasi yang besar dan bermakna untuk semua rakyat Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH**  
**[LIMBANG]**  
**TARIKH 23 MAC 2010**  
**SOALAN**

**Tuan Hasbi bin Habibollah [LIMBANG]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina Klinik Pakar Asas di Hospital Limbang dan bilakah ahli pakar yang tetap akan ditempatkan di Hospital Limbang sementara menunggu klinik pakar asas dibina.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pihak Kementerian telah menyenaraikan Pembangunan Perkhidmatan Pakar di Hospital Limbang sebagai cadangan projek baru di dalam RMK-

10. Pada masa ini, Kementerian masih menunggu kelulusan dari Unit  
Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Klinik Pakar Asas yang dicadangkan di Hospital Limbang akan menyediakan kemudahan perkhidmatan klinik pakar setempat dan perkhidmatan klinikal sokongan seperti makmal pengimejan diagnostik dan farmasi, 2 Dewan Bedah, *ICU*, *SCN*, wad pemerhatian dan *Day Care Surgery*.

Kerajaan memang sedar dan prihatin tentang perlunya pakar ditempatkan di hospital-hospital yang dikenalpasti, termasuklah Hospital Limbang. Walaubagaimanapun, pada masa ini pakar residen belum ditempatkan di Hospital Limbang.

Berbagai usaha telah dibuat bagi memastikan semua rakyat dapat menikmati perkhidmatan kepakaran di tempat masing-masing. Bagi hospital-hospital daerah tanpa pakar, perkhidmatan kepakaran disediakan melalui lawatan pakar secara berkala di mana pakar dari hospital yang berdekatan akan membuat giliran untuk merawat pesakit di hospital-hospital tersebut.

Untuk Hospital Limbang, Pakar-Pakar dari Hospital Miri bagi disiplin Perubatan, Surgeri, Ortopedik, Pediatrik, Psikiatri, ENT dan Oftalmologi membuat lawatan secara berjadual.

**SOALAN NO.: 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF**  
**[ RANTAU PANJANG ]**  
**TARIKH 23 MAC 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah alasan undi pos tentera masih diguna pakai dalam pilihan raya, walaupun ia banyak menimbulkan keraguan. Bilakah Kerajaan akan menghapuskan sistem undi pos tentera dan isteri tentera.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pengundian pos yang diperuntukkan oleh Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang telah digubal berdasarkan Perkara 119 (1) (b) Perlembagaan



Persekutuan adalah bertujuan untuk membolehkan anggota-anggota pasukan keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), selain Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) khususnya Pasukan Gerakan Am (PGA), yang bertugas menjaga dan mengawal ketenteraman awam dan keamanan negara daripada ancaman musuh, termasuk pasangan-pasangan mereka, menunaikan hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara bagi memilih wakil rakyat yang mereka sukai dalam proses pilihan raya yang bebas dan telus mengikut lunas-lunas demokrasi.

Andainya sistem pengundian pos ini dihapuskan, ia boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam kerana anggota- anggota tentera tidak boleh menjalankan tanggungjawab mereka



menjaga keselamatan Negara daripada ancaman musuh kerana pihak tersebut terpaksa berada di pusat-pusat mengundi di merata- rata tempat untuk menunaikan tanggungjawab masing-masing mengundi pada hari mengundi.

Berasaskan kepada kepentingan menjaga keselamatan Negara serta memelihara ketenteraman awam itu dan juga bagi mematuhi kehendak Perlembagaan Persekutuan, maka kerajaan terus mengekalkan sistem membenarkan anggota-anggota tentera dan pasangan, mengundi secara pos. Namun begitu, kerajaan masih mengkaji cara yang lebih efektif dan efisien untuk menambahbaik sistem pengundian pos tersebut.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN** SOALAN NO: 57

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATO\* SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]**

**TARIKH 23 MAC 2010 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan usaha pemuliharaan tapak Warisan Dunia.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian ini adalah:

1. Membuat pemantauan tapak dari semasa ke semasa selaras dengan Dasar Warisan dan garis panduan UNESCO melalui penempatan wakil Jabatan Warisan Negara di Zon Utara untuk Bandar Warisan Dunia George Town dan Zon Selatan untuk Bandar Warisan Dunia Melaka.
2. Penyediaan laporan berkala mengenai keadaan semasa Tapak Warisan Dunia seperti *Periodic Reporting* untuk Taman Negara Mulu dan Taman Negara Kinabalu.
3. Membuat penilaian ke atas setiap permohonan pembangunan baru dalam kawasan Tapak Warisan Dunia.
4. Mewujudkan Jawatankuasa pengurusan di peringkat pusat seperti Jawatankuasa Pengurusan Tapak Warisan Dunia Melaka dan George Town.

5. Menyelaras penyediaan instrumen perundangan atau garis panduan pemeliharaan untuk diguna pakai dalam tapak Warisan dunia. Contohnya: *Conservation Management Plan dan Special Area Plan*.

Pihak Kementerian percaya bahawa dengan usaha-usaha yang dijalankan ini, maka tapak warisan dunia di Malaysia akan terus kekal statusnya sebagai Warisan Dunia UNESCO.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

##### **RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA**                      **Y.B. TAN SRI DATO' ABD.KHALID BIN IBRAHIM (BANDAR TUN RAZAK)**

**TARIKH**                        **23 MAC 2010**

##### **SOALAN:**

**Y.B. TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM (BANDAR TUN RAZAK)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos logistik dan pengangkutan untuk peniaga Sabah adalah tinggi kerana saiz "loading" mereka adalah kurang 20% dari saiz sebenar kontena akibat jalan pengangkutan yang tidak rata di Sabah. Bagaimanakah Menteri boleh menolong mengatasi masalah ini.

SOALAN NO.

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan warta Perintah Sekatan Berat Jalan Persekutuan (pindaan tahun 2003) yang berkuat kuasa pada 24 Julai 2003, had berat muatan maksimum yang dibenarkan untuk Jalan-Jalan Persekutuan di Negeri Sabah ialah 38 tan sahaja berbanding 44 tan had muatan di jalan-jalan utama (*trunk roads*) di Semenanjung Malaysia. Penentuan had muatan maksimum ini dibuat berdasarkan kepada reka bentuk jalan dan struktur jambatan dan pembetung yang sedia ada di seluruh negara. Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum tentang usaha dan keperluan untuk membina dan menaik taraf jalan-jalan utama dan jambatan-jambatan usang, khususnya di Negeri Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, perancangan untuk meningkatkan taraf rangkaian jalan di Sabah dan Sarawak sememangnya merupakan antara agenda dan strategi utama Kementerian Kerja Raya dalam setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun.



SOALAN NO: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM**

**[ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH 23 MAC 2010 (SELASA)**

**SOALAN:**

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapakah caj sebanyak RM 1.50 / kadar rata bagi panggilan ke 103 Pertanyaan Direktori, 1051 Pengumuman Masa, dan Telekom Helpline 110 yang terlalu membebankan pengguna masih dikekalkan, adakah Kementerian bercadang untuk memberikan kadar baru yang lebih rendah.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Perkhidmatan 103 Pertanyaan Direktori, 100 Telekom Helpline dan 1051 Pengumuman Masa adalah perkhidmatan tambahan yang disediakan untuk pengguna-pengguna TM sahaja. Caj yang dikenakan juga adalah pada tahap minima di mana bagi 103 Pertanyaan Direktori dicaj sebanyak 30sen manakala 100 Telekom Helpline dan 1051 Pengumuman Masa adalah percuma.

Bagi pengguna-pengguna lain yang menggunakan perkhidmatan ini, caj yang berbeza dikenakan bergantung kepada pemberi perkhidmatan masing-masing.

Walau bagaimanapun, Kementerian sedang menyusun dan mengkaji semula agar kadar ini dapat dikurang atau dimansuhkan.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Seri Tiong King Sing ( Bintulu )**

**TARIKH : 23 Mac 2010 (Selasa)**

**SOALAN : Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

- a) Bilakah pihak Kementerian akan melaksanakan projek naik taraf jeti dan warf Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Bahagian Bintulu memandangkan keperluan penggunaan jeti ini amat diperlukan dalam masa terdekat ini; dan
- b) berapakah peruntukan yang diperlukan untuk menjalankan projek naik taraf jeti dan warf ini.

**JAWAPAN**

: (a) Pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pada masa ini sedang berusaha untuk mengenal pasti tapak baru yang lebih sesuai untuk pembinaan jeti baru di Bintulu, Sarawak. Sekiranya tiada lokasi yang sesuai dikenal pasti, LKIM akan menjalankan kerja-kerja penaiktarafan di tapak- tapak jeti sedia ada di Bintulu.

(b) Peruntukan sebanyak RM656.000 di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Kedua (PRE-2) telah disediakan bagi penyelenggaraan jeti dan warf di Kompleks LKIM, Bintulu



*SULIT*

**NO SOALAN : 61**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN :**

**DARIPADA**

**Y.B DR. MOHD  
HATTA BIN MD  
RAMLI (KUALA  
KRAI)**

**TARIKH**

**23.03.2010  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-**

- (a) mengapa kes pembocoran rahsia ketenteraan negara ditutup setelah didedahkan oleh Menteri sendiri; dan**
- (b) adakah Menteri menganggap kes pembocoran rahsia ketenteraan kepada negara asing ini sebagai isu kecil dan bukan satu penderhakaan.**

*SULIT*

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kegiatan mendapatkan maklumat ketenteraan secara salah oleh operatif perisikan dari sebuah kedutaan asing di Kuala Lumpur dengan menjadikan warga Kementerian Pertahanan sebagai sasaran telah dikesan oleh Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) melalui penyiasatan risik balas yang dilaksanakan sejak tahun 2009. Operasi susulan BSPP seterusnya (*turnover operation*) telah membolehkan kegiatan penyuluhan ataupun *espionage* tersebut dapat dipantau dan dikawal oleh BSPP dengan warga Kementerian Pertahanan yang dijadikan sasaran memberikan sepenuh kerjasama untuk membongkar kegiatan tersebut.**

**Kementerian tidak akan mendedahkan individu yang dijadikan sasaran kerana mereka adalah merupakan sumber BSPP yang perlu dilindungi dan identitinya dirahsiakan. Mereka yang terlibat tidak boleh dianggap sebagai pengkhianat kerana beliau sebenarnya telah berkerjasama dengan pihak BSPP untuk membongkar kegiatan penyuluhan ini. Di samping itu, dengan mengambilkira kedudukan hubungan dua-hala yang selesa, maka pihak kedutaan asing yang berkaitan tidak sesuai**



*SULIT*

untuk didedahkan. Dalam konteks ini, hanya tindakan diplomatik diperkirakan supaya kegiatan penyuluhan oleh anggota kedutaan asing berkaitan dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui kawalan ke atas sasaran penyuluhan tersebut, BSPP telah menapis dan mengolah maklumat-maklumat yang didedahkan agar ianya tidak melibatkan perkara-perkara sensitif atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengan kepentingan strategik ketenteraan negara. Justeru itu, isu pembocoran maklumat ini tidak sama sekali menjejaskan tahap keselamatan negara.

Isu pembocoran maklumat yang diumumkan secara terbuka tempoh hari adalah bertujuan untuk mengingatkan semua peringkat warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertahanan bahawa mereka sentiasa terdedah kepada ancaman penyuluhan. Mereka pada dasarnya boleh dijadikan sasaran ancaman penyuluhan oleh badan perisikan asing secara tidak sedar dan kepekaan mereka mengenai kewujudan ancaman tersebut adalah merupakan langkah pencegahan awal.

Soalan No : 62

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                      LISAN  
DARIPADA                        Y.B. PUAN FONG PO KUAN  
...                                    (BATU GAJAH)                      .....  
TARIKH                              23.03.2010

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah kes buang sekolah bagi tahun 2008 dan 2009 mengikut umur, jenis sekolah dan jenis kesalahan. Apakah Kementerian ada mekanisme meneliti punca pelajar ini dibuang sekolah dan nyatakan prosedur rayuan semula untuk kembali belajar di sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah murid yang dikenakan tindakan buang sekolah sepanjang tahun 2008 adalah seramai 1,848 orang atau 0.08% dan pada tahun 2009 adalah seramai 1,534 orang atau 0.06%. Dalam tempoh tersebut, didapati murid yang berumur 16 tahun (tingkatan 4) menunjukkan bilangan yang tertinggi dikenakan tindakan tersebut iaitu pada kadar 30.8%, diikuti oleh murid berumur 17 tahun (Tingkatan 5) pada kadar 24.3% dan murid berumur 15 tahun (Tingkatan 3) pada kadar 20.9%. Manakala dari segi jenis kesalahan pula, didapati kesalahan **Ponteng Sekolah** merupakan penyebab utama tindakan tersebut iaitu pada kadar 65.1% dan diikuti oleh **salah laku berunsur jenayah** pada kadar 21.5%. Manakala bagi kesalahan lain pula adalah **kenakalan (bergaduh/hooliganisme)** pada kadar 7.0%, **vandalisme** (2.7%) dan **salah laku berunsur kelucahan** (3.7%).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan buang sekolah merupakan hukuman yang dilakukan terhadap murid yang telah melakukan salah laku atau tingkah laku yang mengganggu berulang kali dan didapati tidak berubah selepas tindakan memulihnya dilakukan oleh Pengetua, atau tingkah laku yang mendatangkan gangguan serius kepada murid-murid lain dan terhadap keseluruhan disiplin sekolah.

Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid yang diwujudkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), telah meneliti kes-kes tersebut dan telah meminta semua sekolah mengambil tindakan wajar di peringkat masing-masing agar ianya dapat dibendung di peringkat awal. Bagi murid-murid yang telah dikenakan tindakan buang Sekolah, ibu bapa atau penjaga murid berkenaan boleh membuat rayuan kepada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) untuk bersekolah semula. Setiap rayuan akan diteliti agar kelakuan tersebut tidak berulang dan sekiranya rayuan tersebut diterima maka penempatannya adalah tertakluk kepada keputusan Pengarah JPN masing-masing.

Rjm 35

**NO. SOALAN : 63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB TUAN LIM KIT SIANG**

**[IPOH TIMUR]**

**TARIKH**

**23 MAC 2010**

**SOALAN**

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan untuk membetulkan persepsi salah dan bahaya dipegang oleh sesetengah pegawai kanan Kerajaan seperti bekas pembantunya, Nasir Safar yang menganggap kaum Cina dan India di Malaysia sebagai pendatang serta institusi awam seperti BTN dan JAKIM yang menyebarkan fahaman anti 1 Malaysia.

**JAWAPAN: YB. PATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Persepsi Yang Berhormat bahawa BTN dan JAKIM menerapkan nilai- nilai

anti 1 Malaysia adalah tidak benar sama sekali. Sebaliknya, kedua- dua agensi ini menerusi program-program mereka sentiasa menitik- beratkan ciri-ciri yang membawa kepada semangat 1 Malaysia yang telah diterapkan oleh YAB Perdana Menteri. Program-program ini bukanlah sekadar untuk mendidik pegawai-pegawai kerajaan malah untk memastikan rakyat keseluruhannya memahami dan menghayati serta mengamalkan konsep 1 Malaysia.

Buat pengetahuan Ahli Yang Berhormat, mana-mana pegawai Kerajaan yang didapati menyebarkan fahaman anti 1 Malaysia akan dikenakan tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**       **LISAN**  
**DARIPADA**           **Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI**  
                              **ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**  
**TARIKH**               **23 MAC 2010**

**SOALAN :**

**Y.B. Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) bilakah Dewan Filharmonik Petronas akan digubal untuk mempamerkan lagu-lagu tradisional berbilang kaum negara Malaysia untuk menjayakan konsep IMalaysia; dan
- (b) berapakah kos untuk menampung pemuzik-pemuzik asing di Malaysian Philharmonic Orchestra bagi setiap tahun dari 1994 hingga 2009.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak mula beroperasi pada tahun 1998, pelbagai lapisan masyarakat telah berpeluang menikmati persembahan orkestra simfoni bertaraf antarabangsa secara langsung di Malaysia dengan bayaran yang berpatutan. Dewan Filharmonik PETRONAS dan Orkestra Filharmonik Malaysia (MPO) telah dan akan terus membuat persembahan

NO. SOALAN: 64

yang membawa elemen-elemen tempatan

bagi mengekalkan dan mempromosi muzik dan tarian etnik tradisional Malaysia. Persembahan gamelan kontemporari, orkestra tradisional Cina, wayang kulit, Mahsuri, Uda & Dara, Satu Rentak & Rhapsody Malaysia dan Pak Pandir the Musical adalah antara program-program tempatan yang telah dipersembahkan di Dewan Filharmonik PETRONAS.

Perbelanjaan operasi Orkestra Filharmonik Malaysia (MPO) merangkumi kos-kos kakitangan, pemuzik, promosi dan pengiklanan dan lain-lain. Operasi MPO dibiayai melalui kutipan jualan tiket dan penajaan daripada syarikat-syarikat korporat seperti ExxonMobil, Mitsubishi Corporation dan lain-lain lagi. Secara purata, pemuzik-pemuzik profesional ini dibayar sebanyak RM 18,000 sebulan, iaitu purata kadar pasaran pemuzik profesional di peringkat antarabangsa.

**NO. SOALAN : 65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB TUAN MANIKAVASAGAM AIL**

**SUNDARAM [KAPAR]**



**TARIKH**

**23 MAC 2010**

**SOALAN**

**Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [ Kapar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Badan Pencegah Rasuah dan syarikat Petronas akan diletakkan di bawah pengawasan Parlimen.**

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana yang diketahui oleh Yang Berhormat, Badan Pencegah Rasuah telah dijadikan sebuah Suruhanjaya iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia setelah berkuatkuasanya Akta SPRM 2007. Kerajaan berpendirian, Suruhanjaya ini adalah bebas dan tidak perlu diletakkan di bawah pengawasan mana-mana badan legislatif atau eksekutif.

Kerajaan juga buat masa ini, tidak bercadang untuk meletakkan syarikat Petronas di bawah pengawasan Parlimen.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 6C-

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA : YB Zulkifli bin Noordin  
TARIKH : 23 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN

Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan bercadang menggubal undang-undang anti-da'wah berdasarkan peruntukan Artikel 11 (4) Perlembagaan Persekutuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan terhadap gereja *Church of our Lady Fatima*, Brickfield dan mereka yang terlibat yang memurtadkan dan mengeluarkan sijil baptism kepada Azlina binti Jailani @ Lina Joy pada 11 Mei 1998.

JAWAPAN: YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz

Tuan yang di-Pertua,

- (f) Pahang - Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam 1989;
- (g) Negeri Sembilan - Enakmen Kawalan dan Sekatan (Pengembangan Agama-agama Bukan Islam Di Kalangan Orang Islam) 1991;
- (h) Johor - Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam 1991;
- (i) Perlis - Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Iktikad dan Kepercayaan Agama Yang Bertentangan Dengan Agama Islam (Sunnah wal-Jamaah) 2002.

Fasal (2) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut dalam Senarai Negeri atau Senarai Bersama, ini termasuklah hal-hal yang berkaitan agama Islam. Oleh yang demikian, undang-undang anti-dakyah bagi Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak perlulah digubal oleh Dewan Undangan negeri masing-masing. Kerajaan Persekutuan hanya boleh menggubal undang-undang tersebut di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Walau bagaimanapun, menurut Fasal (1) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan Kerajaan Persekutuan boleh membuat undang-undang mengenai perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri bagi maksud melaksanakan apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen, bagi maksud menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua Negeri atau lebih atau jika diminta sedemikian oleh Dewan Undangan mana-mana Negeri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk menjawab soalan di perenggan (a), Fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Dewan Undangan setiap negeri boleh menggubal undang-undang

untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang beragama Islam di negeri masing-masing. Kerajaan Persekutuan hanya mempunyai kuasa untuk membuat perundangan tersebut di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Setakat ini, semua 10 negeri kecuali Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak telahpun mempunyai enakmen kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam yang dibuat di bawah Fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Negeri-negeri tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) Terengganu - Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1980;
- (b) Kelantan - Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1981;
- (c) Selangor - Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988;
- (d) Perak - Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam 1988;
- (e) Melaka - Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam 1988;
  
- (e) Kedah - Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1988;

Bagi Wilayah Persekutuan, Kerajaan kini sedang dalam proses memuktamadkan penggubalan draf Rang Undang-Undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2010. Rang Undang-Undang ini disasarkan untuk

dibentangkan di Parlimen pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Kedua Belas nanti.

Selanjutnya, untuk menjawab soalan di perenggan (b), Kerajaan mengambil maklum bahawa terdapat beberapa laporan polis telah dibuat terhadap gereja *Church of our Lady Fatima* di Brickfields, Kuala Lumpur dan mereka yang terlibat dalam memurtadkan dan mengeluarkan sijil pembaptisan kepada Azlina binti Jailani @ Lina Joy, iaitu di Ibu Pejabat Polis Daerah Brickfields, Kuala Lumpur pada 8 Ogos 2006 dan di Ibu Pejabat Polis Daerah Dungun, Terengganu pada 10 September 2006.

Susulan daripada laporan polis itu, kertas siasatan telah dibuka di bawah seksyen 298A Kanun Keseksaan [Akta 574]. Kes ini masih lagi dalam siasatan pihak polis. Sehingga ke hari ini, pihak polis masih gagal mengesan Azlina binti Jailani @ Lina Joy bagi membantu melengkapkan siasatan kes ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATO' NGEHKOO HAM  
[BERUAS]**

**TARIKH 23 MAC 2010**

**SOALAN Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ] minta MENTERI  
KESIHATAN**

menyatakan kategori ubat-ubatan dan peralatan atau barangan yang perlu pesakit-pesakit beli sendiri apabila mereka mendapat rawatan

SOALAN NO : 68

daripada klinik atau hospital kerajaan. Apakah kadar fee yang dikenakan ke atas pesakit yang mendapat rawatan di klinik atau hospital kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Peralatan yang perlu dibeli sendiri oleh pesakit di hospital Kerajaan ialah anggota tiruan/prosthesis dan alat implant yang tidak dapat dibekalkan oleh hospital Kerajaan. Fi yang dikenakan kepada pesakit bagi caj anggota tiruan yang dibekalkan di hospital Kerajaan adalah berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) 1982 (Jadual G). Bagi alat-alat prostesis atau implant yang tidak dibekalkan di hospital Kerajaan,

pesakit perlu membeli sendiri alat-alat berkenaan daripada syarikat-syarikat swasta yang membekalkan alat tersebut setelah bersetuju dan berbincang dengan pegawai perubatan yang terlibat.

Manakala bagi ubat-ubatan dan Peralatan, bagi pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen dan ahli keluarga layak menerima ubat-ubatan seperti di dalam Formulari ubat Kementerian Kesihatan Malaysia atau peralatan ortopedik / anggota palsu (implan/prostesis). Sekiranya tidak dapat dibekalkan oleh klinik/hospital Kerajaan, mereka boleh memohon untuk dipertimbangkan bagi mendapat bayaran balik.

Bagi pesakit miskin dan tidak berkemampuan untuk membayar peralatan atau ubat-ubatan berkenaan, mereka boleh memohon bantuan melalui Tabung Bantuan Perubatan bagi perbelanjaan berkenaan.

Kategori ubat-ubatan yang perlu di beli sendiri oleh pesakit apabila mereka mendapat rawatan di klinik atau hospital kerajaan adalah suntikan dan pelalian seperti yang dinyatakan dalam Jadual H, Caj Pelbagai, Bahagian 1, *Suntikan dan Pelalian*.

**Jadual H: Caj Pelbagai**

Bahagian 1: *Suntikan dan pelalian*



(i)	Demam Kuning	RM20
(ii)	Hawar	RM20
(iii)	Lain-lain cara suntikan atau pelalian	RM5 bagi setiap suntikan / pelalian

Walaupun bagaimanapun, terdapat pengecualian kepada imunisasi dan vaksinasi kepada kanak-kanak umur pra-sekolah dan juga kepada orang-orang awam semasa berlakunya penyakit wabak yang diisytiharkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pencegahan penyakit itu daripada merebak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING  
[ KULAI]

TARIKH JAWAPAN : 23 MAC 2010 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah instrumen ekonomi yang telah disediakan dalam menyediakan persekitaran kondusif untuk pembangunan teknologi hijau seperti yang ditetapkan dalam Polisi Teknologi

SOALAN: NO. 68

Hijau Negara.

TAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam pengumuman Bajet 2010 yang lalu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 bilion sebagai pinjaman mudah kepada syarikat pengeluar dan pengguna teknologi hijau dalam usaha memajukan pembekalan dan penggunaan teknologi hijau dalam negara. Dana tersebut dikenali sebagai Skim Pembiayaan Teknologi Hijau atau *Green Technology Financing Scheme* (GTFS). Bagi syarikat pengeluar, pinjaman maksimum yang boleh dibuat adalah sebanyak RM50 juta manakala bagi

syarikat pengguna sebanyak RM10 juta. Keistimewaan yang diberi di bawah skim ini adalah Kerajaan akan menanggung dua peratus faedah daripada jumlah faedah yang ditawarkan oleh pihak institusi perbankan dengan nisbah jaminan kerajaan 60 peratus dan institusi perbankan 40 peratus. Skim ini telah mula beroperasi pada Januari 2010.

Selain daripada itu, bagi menggalakkan pembinaan serta penggunaan bangunan hijau di Malaysia, pihak kerajaan juga memberikan insentif kewangan kepada pemilik bangunan yang memperolehi sijil *Green Building Index* (GBI) mulai 24 Oktober 2009 hingga 31 Disember 2014 dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan bersamaan perbelanjaan modal tambahan bagi memperoleh sijil berkenaan. Di samping itu, pembeli yang membeli bangunan dan rumah kediaman yang telah mendapat sijil GBI daripada pemaju hartanah diberi pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik. Amaun pengecualian adalah bersamaan dengan kos tambahan bagi memperoleh sijil berkenaan. Pengecualian ini layak bagi pembeli yang menyempurnakan perjanjian jual beli mulai 24 Oktober 2009 hingga 31 Disember 2014.

Insentif-insentif ini adalah satu bonus tambahan kepada insentif yang telah lama diperkenalkan oleh kerajaan bagi menggalakkan pembangunan projek tenaga diperbaharu, kecekapan tenaga dan *Clean Development Mechanism* (CDM) semenjak Polisi Kelima Bahan Api Negara diperkenalkan pada 2002. Insentif ini termasuk Status Perintis (PS), Elaun Cukai Pelaburan (ITA) serta Pengecualian Duti Import dan Cukai Jualan. Insentif ini boleh dipohon melalui MID A, oleh mana-mana syarikat yang berminat membangunkan projek tenaga diperbaharu menggunakan sumber diperbaharu

seperti biomas, biogas, solar dan hidro. Penambahbaikan terhadap pemberian insentif kepada projek solar juga telah dibuat semasa pengumuman Bajet 2008 dan 2009 dengan memberikan pelepasan duti impot dan cukai jualan kepada *"third party distributor"* bagi produk-produk yang berkaitan dengan sistem solar (PV atau thermal) serta pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan daripada *Carbon Emission Reduction* (CER).

\*\*\*\*\*

NO.SOALAN: «T

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN  
Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan

[ Keningau]

TARIKH

23 Mac 2010

SOALAN

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan

[ Keningau] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan ahli-ahli Pesuruhjaya Pendidikan dan berapakah pelantikan dari Sabah dan sipakah nama- nama yang dilantik.

Jawapan: (YB Tan Sri Dr.Koh Tsu Koon)

Tuan Yang di Pertua,

Dimaklumkan bahawa Ahli Suruhanjaya yang berasal dari Sabah ada dua orang iaitu Puah Hjh Aminah binti Hj Musally dan Encik Athanasius John Staun @ Ahmad Staun.

NO. SOALAN :70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN KARPAL SINGH

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan samada wajar untuk penghakiman-penghakiman Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan di dalam kes-kes sivil di baca oleh Timbalan-timbalan Pendaftar mahkamah tersebut walaupun ianya adalah dibenarkan dalam keadaan tertentu.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghakiman-penghakiman Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan di dalam kes sivil adalah

dibenarkan dibaca oleh Timbalan-timbalan Pendaftar mahkamah-mahkamah tersebut. Perkara ini dinyatakan di dalam Kaedah 63, Kaedah-kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 dan Kaedah 24, Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994. Oleh itu, penghakiman-penghakiman Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan boleh dibacakan oleh Timbalan-timbalan Pendaftar tersebut selaras dengan peruntukan undang-undang yang membenarkannya.

Sekian. Terima kasih.

